Jabatan Antropologi dan sosiologi
No. Kelas: 75 Ng
No Perolehan: T0300
Tarikh: 12/75

# POLITIK PSRM DI NEGERI TRENGGANU
# (SATU KAJIAN KES DI KAWASAN PILIHANRAYA KUALA TRENGGANU SELATAN)

LATIHAN ILMIAH
BAGI MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA
SYARAT-SYARAT UNTOK IJAZAH SARJANA MUDA
SASTERA DALAM ANTROPOLOJI DAN SOSIOLOJI

University of Malaya

Oleh
Nombor Matrik 20736

JABATAN ANTROPOLOJI DAN SOSIOLOJI
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
1975

PERPUSTAKAAN
JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI

Peta I

## STATES OF MALAYA

### Constituency Map showing Parliamentary Constituencies




Sumber: Suruhanjaya Pilihanraya; Penyata Pilihanraya Umum tahun 1969 (Jabatan Citak Kerajaan)

## P E N G H A R G A A N

Dalam menyusun dan menyiapkan kajian ilmiah ini banyak sekali pertolongan, bimbingan dan kritik-kritik yang membina telah diberikan oleh beberapa orang individu. Tanpa kerjasama yang amat diperlukan ini, tidak mungkin dapat diselesaikan dengan sempurnanya. Ingin saya melahirkan rasa terhutang budi dan jutaan Terima Kaseh kapada penyelia saya, Encik Husein Mohamad yang saya kira paling banyak memberikan tunjuk ajar, teguran-teguran dan kritik-kritik yang ber nas bagi menyusun-atur segala bahan-bahan yang dikumpulkan.

Ucapan Terima Kaseh juga saya tujukan kapada Setia Usaha Agung PSRM negeri Trengganu, saudara Mukhtar Haji Abdul Rahim yang bermurah hati dan pehuh jujur memberikan segala data-data yang diperlukan baik berbentok penerangan-penerangan dan artikel-artikel yang terdapat di dalam simpanan pejabatnya. Juga kapada saudara Mazlan Embong selaku Pengerusi PSRM Trengganu yang telah sudi berkerjasama dan melayan segala perbualan-perbualan serta memberikan komentar-komentarnya yang sangat berguna.

Terima Kaseh ditujukan kapada semua rakan-rakan yang telah memberikan pertolongan-pertolongan serta pandangan pandangan untok mendapatkan bahan-bahan yang sesuai. Kapada

University of Malaya

semua angguta-angguta yang telah terpilih sebagai responden-responden, yang telah sudi berbual-bual dan menjawab soalan-soalan, saya ucapkan berbanyak-banyak Terima Kaseh.

Kapada mereka yang tersebut di atas, yang terlibat secara langsung atau tidak langsung, membantu, memandu, meng-kritik dan memberikan galakan-galakan saya ucapkan salam dan hurmat dan ribuan Terima Kaseh jua.

Ngah Nasir Hassan

Universiti Malaya,
Kuala Lumpur.
25hb.Oktober 1975.

University of Malaya

## KANDUNGAN

| | | muka surat |
|---|---|---|
| Tajuk | | |
| Penghargaan | ... | i |
| Kandungan | ... | iii |
| Senarai Jadual | ... | v |
| Senarai Peta | ... | vii |
| PENDAHULUAN | | |
| Tujuan dan bidang Kajian | ... | 1 |
| Cara kajian | ... | 4 |
| Mas'alah-mas'alah dalam kajian | ... | 7 |
| BAB I - LATAR BELAKANG NEGERI TRENGGANU | | |
| Pengenalan 'am | ... | 10 |
| Daerah-daerah dan kawasan-kawasan Pilihanraya | ... | 10 |
| Demografi | ... | 14 |
| Ekonomi | ... | 18 |
| Organisasi Politik | ... | 20 |
| BAB II - IDEOLOJI DAN ORGANISASI PSRM | | |
| Pengenalan 'am | ... | 25 |
| Ideoloji Sosialisma PSRM | ... | 27 |
| Struktur dan Organisasi PSRM | ... | 36 |
| Cawangan dan Ranting | ... | 36 |
| Keanggutaan PSRM | ... | 42 |
| BAB III - JATUH BANGUN PSRM DI NEGERI TRENGGANU | | |
| Pengenalan 'am | ... | 43 |
| PSRM di negeri Trengganu | ... | 45 |

University of Malaya

muka surat

Kepemimpinan PSRM ... 47

Keputusan-keputusan Pilihanraya yang dicapai oleh PSRM dari tahun-tahun 1959 hingga 1974 ... 53

BAB IV - PENYERTAAN DAN SIKAP RA'YAT TEMPATAN DI KAWASAN PILIHANRAYA KUALA TRENGGANU SELATAN TERHADAP PSRM

Pengenalan 'am ... 61

Latar belakang Kawasan Pilihanraya Kuala Trengganu Selatan ... 63

Pendudok-pendudok ... 63

Pengundi-pengundi ... 65

Penyertaan ra'yat dalam politik PSRM ... 68

Gulongan yang aktif dalam PSRM ... 70

Gulongan yang pasif dalam PSRM ... 76

KESIMPULAN DAN PENUTUP ... 79

BIBLIOGRAFI ... 86

LAMPIRAN I - MANIFESTO PSRM ... 90

LAMPIRAN 2 - CONTOH QUESTIONNAIRE YANG DI GUNAKAN DENGAN RINGKAS DALAM KAJIAN ... 91

## SENARAI JADUAL

muka surat

Jadual 1: Jumlah pendudok-pendudok Trengganu mengikut daerah-daerah, tahun 1970 11

Jadual 2: Anggaran pendudok Trengganu mengikut bangsa, Jantina & Peratus, tahun 1969 17

Jadual 3: Peratus Pengundi-pengundi mengikut pembahagian kaum-kaum di kawasan Pilihanraya Parlimen Trengganu, tahun 1969. 23

Jadual 4: Pengalaman dan pekerjaan ahli-ahli Jawatan kuasa PSRM negeri Trengganu,yang di lulus dalam Sidang Kongres negeri Trengganu - Ogos 1975. 49

Jadual 5: Jumlah Undi yang didapati oleh PSRM di Kawasan Dewan Undangan Negeri Trengganu dalam Pilihanraya 1964 55

Jadual 6: Jumlah Undi yang didapati oleh PSRM di kawasan Dewan Undangan Negeri dan Parlimen Trengganu dalam Pilihanraya Nasional 1974. 56

Jadual 7: Keputusan Undi parti-parti di negeri Trengganu, diperingkat Pilihanraya Dewan Undangan Negeri. 60

Jadual 8: Jumlah Pendudok-pendudok di Kuala Trengganu Selatan, berdasarkan pembahagian kaum banci tahun 1970. 64

Jadual 9: Jumlah pengundi-pengundi di Kuala Trengganu Selatan, mengikut banci tahun-tahun 1959, 1964 dan 1969. - 66

Jadual 10: Peratus pengundi-pengundi mengikut komposisi kaum di Kuala Trengganu Selatan bagi tahun 1959, 1964 dan 1969. - 67

Jadual 11: Jumlah pengundi-pengundi di kawasan Pilihanraya Kuala Trengganu Selatan berdasar daftar pilihanraya 1974. - 67

Jadual

University of Malaya

## SENARAI PETA-PETA

Peta I : Negeri-negeri di Semenanjung Malaysia (Malaya) menunjukkan kawasan-kawasan Pilihanraya Parlimen.

Peta II : Negeri Trengganu, menunjukkan kedudokan dan daerah-daerah.

Peta III: Negeri Trengganu, menunjukkan kawasan-kawasan Pilihanraya, Parlimen dan Dewan Undangan Negeri.

Peta IV: Negeri Trengganu, menunjukkan Kawasan-kawasan Pilihanraya, Parlimen dan Dewan Undangan Negeri, ( Pindaan )

Peta V : Negeri Trengganu ( diperbesarkan sekil ) untok menunjukkan Kawasan Pilihanraya Kuala Trengganu Selatan.

University of Malaya

# PENDAHULUAN

## Tujuan dan Bidang Kajian

Kajian mengenai politik Partai Sosialis Rakyat Malaya (PSRM) di Negeri Trengganu dan satu kajian Kes (case study) di kawasan pilihanraya Kuala Trengganu Selatan, adalah bertujuan untok meninjau dengan dekat sejauh manakah pendudok-pendudok di kawasan ini telah benar-benar faham tentang fungsi parti tersebut yang ditubuhkan di negeri ini.

Tinjauan ke atas partai PSRM ini dilakukan adalah semata-mata untok tujuan ilmiah dan tidaklah mempunyai sebarang tujuan sebaliknya; Dan tidak pula ingin menjadikan kajian ini sebagai propoganda untok tindakan-tindakan politik kapada mereka yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam kancah politik negeri ini. Juga tidak dimaksudkan untok menyokong atau menentang mana-mana pehak tetapi tujuan dasarnya ialah untok memberikan gambaran sejelas mungkin kapada mereka yang berkenaan dan yang ingin turut-serta di dalam arina politik hari ini.

Secara kebetulan PSRM di saat-saat terakhir ini telah muncul sebagai sebuah parti pembangkang yang kian berpengaruh di negeri ini. Kemunculan PSRM di dalam Pilihanraya Nasional tahun 1974 terutamanya, telah menimbulkan berbagai-

berbagai reaksi dan response di kalangan ra'ayat dan juga di-pehak pemerintah sendiri. Parti yang maseh muda usianya ini, yang dikatakan sebagai berhaluan kiri telah mula mendapat sokongan ra'ayat di negeri ini seolah-olah menggantikan parti PAS (Parti Islam Se Malaya) yang telah bersatu dengan Perikatan untok membentok Kerajaan Campuran yang dinamakan, Barisan - Nasional itu. Jadi kalau dahulunya ada gulongan yang menentang Perikatan, sebagai parti pemerintah, melalui parti PAS, maka setelah PAS bersatu setengah-tengah pehak dari gulongan pembangkang ini mula tertumpu kapada PSRM. Keadaan ini tidak sahaja berlaku di negeri Trengganu tetapi juga berlaku di negeri-negeri lain seperti Pulau Pinang, Melaka, Kedah dan lain lain lagi. Berdasarkan kapada keadaan yang berubah inilah yang telah menarik minat penulis untok melakukan kajian ilmiah ini. Di sampin melihat kapada fenomena politik yang dianggap menarik ini, ingin pula penulis meninjau sejauh manakah dokrin atau falsafah Sosialisma yang diperjuangkan oleh PSRM dapat diterima, disesuaikan dan diperkembangkan lebeh jauh kebawah dikalangan 'grass root-level' pendudok-pendudok negeri ini.

Disampin memberi penerangan kapada PSRM sebagai sebuah parti politik yang dianggap 'sectarian'(1), secara kebetulan juga akan disentuh berbagai-bagai masalah dan kelemahan-kelemahan parti pemerintah. Pada waktu-waktu kebelakangan ini banyak se-

---

(1) Sectarian Parties: These parties are restricted in their representation. They made a specific appeal to a specific group, e.g. religious or ethnic or regional group. They do not aspire to mass membership. Sectarian parties are usually more concerned with maintaining their ideological purity than with winning votes. Rujukan: Lester G.Seligman,"The Role of Elite, Elite Recruitment and Political Development" dlm. Journal of Politic, August 1964, m.s.244

University of Malaya

-kali timbul desas-desus dan tidak puas hati ra'ayat terhadap pimpinan calun-calun parti pemerintah di kawasan ini. Pemimpin-pemimpin ini dikatakan tidak cekap dan tidak ikhlas dengan tugas tugas yang telah dimandatkan oleh ra'ayat kapada mereka untok mem bela nasib kaum bangsa yang mundor itu. Melalui kajian ini juga diharapkan dapat memberi sedikit gambaran tentang dilema yang dihadapi oleh orang-orang Melayu baik di peringkat grass-root le vel atau pun di peringkat atas yang menjalankan dasar pemerintahan. Sekurang-kurangnya dapat dijadikan bahan kapada gulongan-gulongan yang terlibat di dalam politik negeri ini berusaha dengan lebeh jujur dan insaf untok membaiki taraf hidup ra'ayat dan negeri ini sejajar dengan kemajuan-kemajuan yang diperjuangkan oleh pemerintah Malaysia ini.

Kajian yang berbentok sosio-politik di Trengganu ini dianggap merumitkan jika diambil tempuh masa yang singkat, maka satu tempuh masa yang agak panjang telah dijadikan ukuran, iaitu antara tahun-tahun 1959 hinggalah ke tahun 1974. Keadaan yang serupa juga telah dilakukan kapada satu kajian kes di kawasan Pilihanraya Kuala Trengganu Selatan yang terdapat pada bab IV. Di antara tempuh masa yang dinyatakan itu, penulis akan membuat penekanan khusus kapada tahun 1974 di mana ketika itu telah dijalankan Pilihanraya Nasional yang ke-lima yang dianggap banyak sekali terdapat perubahan-perubahan dalam bentuk percaturan politik negeri ini. Pada tahun 1974 inilah juga didapati PSRM telah mendapat sambutan yang hangat dan menggalakkan di kalangan ra'ayat di negeri Trengganu ini. Berbagai-bagai issue yang menarik telah

dijadikan bahan kempen dan penerangan-penerangan supaya mendapat kepercayaan yang lebeh mendalam dari ra'ayat. Issue-issue seperti inflasi, kemiskinan dan kelaparan serta kemewahan-kemewahan gulongan kapitalis asing yang mengeksploitkan ra'ayat-ra'ayat negeri ini sendiri yang miskin itu, rancak sekali diutarakan dan mendapat sambutan yang memuaskan. Ketika ini juga terdapat berbagai perubahan di dalam penyusunan parti-parti supaya dapat menarik lebeh ramai penyokong-penyokong ke dalam parti-parti yang bertanding itu. Maka dengan hakikat-hakikat yang dikira menarik inilah yang mendorongkan penulis menjadikan tahun 1974 sebagai garis kajian penting kapada penyelidekan ilmiah ini.

## Cara kajian

Penyelidekan yang telah dijalankan bagi tujuan kajian ini adalah dengan beberapa cara. Diantara cara-cara atau metod kajian ini ialah:-

i. Penglibatan dan pemerhatian
ii. temuramah-temuramah
iii. Menggunakan soalan-soalan soal-selidek(questionnaire)
iv. Menggunakan bahan-bahan perpustakaan(literature)

Cara penglibatan dan pemerhatian adalah metod yang paling banyak dilakukan didalam penyelidekan ini. Penglibatan dan pemerhatian (participation and observation) yang formal atau tidak formal di jalankan dengan lebeh berkesan kerana penulis sendiri menganggutai

dan memahami benar-benar masyarakat dikawasan ini. Pergaulan-per gaulan penulis dalam semua lapisan masyarakat negeri ini di beberapa daerah telah banyak menolong mendapatkan bahan-bahan yang 'first hand' dan tepat. Soal-soal yang abstrak, yang dialami oleh masyarakat-masyarakat di sini menjadi lebeh mudah difahami.

Cara kedua yang tidak kurang banyak dilakukan ialah dengan menggunakan bahan-bahan bertulis(literature). Bahan-bahan ini sebahagian besarnya didapati daripada pejabat pusat PSRM di-Kuala Trengganu. Banyak risalah-risalah dan tulisan-tulisan yang telah dikeluarkan oleh Sekritariat Pusat PSRM untok pembacaan ahli-ahlinya,telah digunakan untok rujokan. Kebanyakan daripada risalah-risalah ini yang tidak dinyatakan tarikhnya banyak juga dijadikan bahan rujokan semasa kajian ini dijalankan. Justeru itu banyak pula lapuran-lapuran yang dicatetkan didalam penulisan ini tidak dapat dibuktikan dengan catetan-catetan kakinya. Selain daripada itu banyak juga didapati bahan-bahan penulisan dari perpustakaan Universiti Malaya sendiri yang sesuai untok dijadikan bahan panduan dan semakan kembali bagi kajian ini. Tiori-tiori yang didapati dari pembacaan dan penyemakan kembali penulisan-penulisan ini dapat membantu penulis untok membuat ulasan-ulasan dan kenyataan-kenyataan yang lebeh rasional. Beberapa haipotesis dan tiori-tiori yang telah dibena, ditinjau semula dan disesuaikan untok penulisan ini sama ada mengsahkannya atau menyangkalnya.

Temuramah atau temuduga dilakukan secara formal dan juga secara tidak formal(imformal as well as formal). Cara yang tidak

University of Malaya

formal lebeh banyak dijalankan dalam proses pengumpulan data-data. Perbualan-perbualan tidak resmi ini dijalankan dalam semua peringkat masyarakat yang mana dikira sangat banyak membantu penulis untok mengatasi masalah-masalah yang abstrak. Temuramah yang formal pula dijalan untok mendapatkan maklumat-maklumat yang resmi dan tepat. Responden-responden yang dipilih ialah individu-individu yang memegang perana penting didalam pertubuhan-pertubuhan dan parti-parti politik negeri ini. Temuramah-temuramah yang intensif telah dijalankan kapada Setia Usaha Agung PSRM negeri Trengganu. Melalui temuramah ini amat banyak didapati lapuran-lapuran tentang pergerakan parti dan penyusunannya serta tekstik-tektik parti. Daripada tokoh utama ini juga banyak keterangan-keterangan didapati mengenai prinsip-prinsip asas dan ideoloji parti yang mana justeru itu lapuran dan kenyataan-kenyataan penting dari penyusunan parti tidak disertakan dengan catetan-catetan kaki. Lain-lain responden yang tidak kurang memberikan sumbangannya ialah termasuk wakil-wakil rakyat, ahli-ahli jawatan kuasa parti, pegawai-pegawai dan kaki-tangan kerajaan. Kebanyakan responden yang ditemuramah secara tidak formal adalah terdiri daripada gulongan bawahan seperti buroh-buroh, petani-petani, nelayan dan peniaga-peniaga kecil. Bahan-bahan serta kandungan soalan-soalan yang dikemukakan adalah lebeh banyak ditekankan kapada sikap serta pendirian mereka terhadap politik dan parti-parti yang tertubuh di negeri ini. Hasil pandangan dan pendirian responden-responden ini bukan saha-ja dapat memberikan maklumat-maklumat yang tepat, malah dapat pula dihubungkan dengan pencapaian mentaliti masyarakat ini secara keseluruhannya. Beberapa kesimpulan telah dapat dirumuskan berhubung

dengan sejauh mana ra'ayat di negeri ini telah dapat mempraktikkan segala kebebasan berpolitik.

Cara soal-selidek dilakukan untok memberi peluang kapada responden-responden untok mengeluarkan pendapat-pendapatnya dan perasaan hatinya tanpa dipengaruhi oleh sesaorang penemuduga. Soala-soalan yang dikemukakan kapada mereka kebanyakannya adalah berupa pendapat-pendapat dan pandangan-pandangan mereka terhadap politik dan parti-parti politik. Soalan-soalan ini kebanyakannya berbentok 'open ended' dan bilangannya adalah sangat terhad. Responden-responden yang dipilih adalah berdasarkan kapada kedudokan sosial, pekerjaan dan ekonominya sahaja. Contohnya ialah dipilih 20 orang nelayan-nelayan, 20 orang petani-petani, 20 orang peniaga dan pekerja-pekerja sendiri, 20 orang kaki-tangan kerajaan(kerani dan kaki-tangan pejabat kerajaan) dan 20 orang daripada gulongan guru-guru. Setiap peringkat pekerjaan yang dilakukan oleh angguta-angguta masyarakat ini mempunyai pendangan yang berbeza-beza selaras dengan pencapaian pelajaran yang terdapat di kalangan mereka. Faktur tempat tinggal juga diberikan perhatian kapada pemilihan responden-responden ini kerana sering dikatakan alam keliling masyarakat itu mempengaruhi juga perlakuan mereka.

Masalah-mas'alah dalam kajian

Sepanjang kajian dan penyelidekan ini dijalankan, banyak juga terdapat mas'alah-mas'alah yang telah dihadapi.Oleh

kerana kajian ini berbentok sosio-politik, maka soal-soal yang abstrak sering ditimbulkan oleh responden-responden. Soal-soal seperti sentimen, minat dan kecenderungan se saorang yang ditemuduga itu sering menimbulkan kerumitan kapada penulis untok mentafsirkannya. Selalu sahaja perkara-perkara yang berhubung dengan peribadi responden itu tidak diterangkan dengan jujur dan menyeluruh kerana perasaan-perasaan curiga dan malu-malu,ter utamanya jika temuramah-temuramah itu dijalankan secara yang formal. Ada diantara mereka yang takut-takut untok menyatakan sesuatu yang terpendam didalam hatinya yang berhubung dengan soal-soal sentimen, dendam dan sebagainya; atau yang berkait dengan polisi-polisi kerajaan atau pun tentang personaliti se-saorang angguta calun. Di antara beberapa faktur utama yang menyebabkan timbulnya mas'alah-mas'alah kapada mereka ialah:-

i) Kurang faham dengan tepat tentang persoalan-persoalan politik hari ini akibat daripada sosialisasi politik yang diterimanya secara yang pasif dan negatif.

ii) Mereka juga ragu-ragu dan takut kerana tidak mahu di - katakan bersubahat atau anti(menentang) kapada satu-satu parti.

iii) Mereka tidak berminat di dalam politik dan tidak mahu terlibat di dalam pergolakan politik ini.

iv) Responden-responden yang aktif di dalam satu-satu parti politik, tidak mahu menerangkan dengan sepenuhnya tentang polisi-polisi dan rancangan-rancangan partinya kerana ditakuti akan menyentuh dengan soal-soal yang berhubung dengan rashia partinya itu.

v) Responden-responden yang terdiri dari kaum lain daripada Melayu maseh terlalu ragu-ragu untok memberikan ulasan-

ulasan tentang politik yang dikuasai oleh orang-orang Melayu itu.

vi) Di kalangan orang-orang Melayu sendiri maseh banyak ter dapat sentimen terhadap kaum-kaum yang bukan Melayu, terutamanya orang-orang China. Akibat dari keadaan ini mereka mudah sekali bias kapada perkauman apabila di utarakan tentang perhubungan-perhubungan kaum di negeri ini.

vii) Perasaan-perasaan marah, curiga yang terdapat di kala-ngan setengah-tengah responden terhadap pemimpin-pemimpin poli-tik juga menyebabkan jawapan-jawapan yang diberikan itu tidak menepati kapada soalan yang dikemukakan.

viii) Setengah-tengah angguta parti dan juga yang aktif di-dalam parti sangat mudah dikuasai oleh sifat-sifat fanatik ter-hadap ideoloji atau pemimpin-pemimpin partinya. Kesannya ialah menyebabkan tindakan-tindakan mereka kadang-kadang tidak lagi berunsur rasional dan lojik. Setiap yang berlawanan dengan parti nya adalah dikira bertentang dengan dirinya sendiri. Justeru itu jawapan-jawapan yang biasa dijawab menimbulkan mas'alah.

Fakta-fakta yang dinyatakan diatas itu telah menimbul kan berbagai-bagai mas'alah teknik kapada kajian ini. Disamping itu pula terdapat beberapa masalah lain yang kerap menghalangkan kerja-kerja penyelidekan ini. Di antara mas'alah-mas'alah ini ialah kurangnya masa untok menjalankan 'field work' dan survey yang lebeh berkesan dan menyeluruh. Walau pun mas'alah-mas'alah ini tidak dapat dielakkan tetapi dengan perangsang-perangsang dari individu-individu dan ketabahan hati, maka akhirnya dapat diselesaikan pemungutan data-datanya untok penulisan kajian ilmiah ini.

Peta II


NEGERI TRENGGANU
KEDUDOKAN DAN DAERAH-DAERAH
KELANTAN
103°T
U
BESUT
KUALA TRENGGANU
LAUT CHINA SELATAN
ULU TRENGGANU
5°U
DUNGUN
KEMAMAN
PAHANG

Peta III




University of Malaya

Sumber: Suruhanjaya Pilihanraya, Penyata Pilihanraya Umum Dewan Ra'ayat dan Dewan Undangan Negeri tahun 1969.

Peta IV

Utusan Malaysia 14 Ogos, 1974




**• PETA INI MENUNJUKKAN KAWASAN PILIHANRAYA DEWAN RAKYAT DAN DEWAN UNDANGAN NEGERI TRENGGANU** (PINDAAN)

# BAB I

## LATAR BELAKANG NEGERI TRENGGANU

### Pengenalan 'am

Bab I ini adalah bertujuan untok menerangkan kedudokan kawasan yang telah dijadikan fokas kajian ilmiah ini. Ciri-ciri penting iaitu mengenai ilmu alamnya, pendudok-pendudok, susunan-susunan sosial dan ekonomi, politik dan pentadbiran serta bilangan pengundi-pengundinya yang terlibat secara langsung didalam percaturan politik negeri ini.

### Daerah-daerah dan kawasan-kawasan Pilihanraya

Negeri Trengganu adalah sebuah negeri yang terletak di sebelah timor laut Semenanjung Malaysia. Letaknya di garisan bujur kira-kira 102.25$^{o}$ hingga 103.50$^{o}$ timor, dan di garisan lintangnya kira-kira 4.0$^{o}$ hingga 5.5$^{o}$ utara (lihat peta ii). Luas negeri Trengganu adalah lebeh kurang 5,030.9 batu persegi dengan ukuran kawasan yang terpanjang iaitu 153.30 batu dan yang terlebarnya sejauh 60.00 batu. Pendudok-pendudok negeri ini berjumlah 405,751 orang iaitu 200,850 orang lelaki dan 204,901 orang perempuan.(2)

---

(2) Kerajaan Trengganu, Cenderamata Jubli Perak Sultan Trengganu (Kuala Trengganu; Percetakan Central Sdn.Bhd. - Malaysia 1970) m.s. 35

University of Malaya

Negeri Trengganu dibahagikan kapada enam daerah iaitu; Kuala Trengganu, Kemaman, Besut, Dungun, Ulu Trengganu dan Marang (lehat peta II). Mengikut banci pendudok tahun 1970, tiap-tiap daerah ini mempunyai komposisi jantina yang berbeza-beza seperti yang terdapat di dalam jadual dibawah.

Jadual 1 - Jumlah pendudok-pendudok Trengganu* mengikut Daerah-daerah, tahun 1970

| Daerah | isi rumah | lelaki | Perempuan | Jumlah |
|---|---|---|---|---|
| Besut | 16,888 | 39,447 | 39,781 | 79,288 |
| Dungun | 11,366 | 27,285 | 27,067 | 54,352 |
| Kemaman | 9,622 | 22,866 | 22,050 | 44,916 |
| K.Trengganu | 35,518 | 84,714 | 89,193 | 173,907 |
| Marang | 4,418 | 9,630 | 10,054 | 19,684 |
| Ulu Trg. | 7,856 | 16,917 | 16,747 | 33,664 |
| Jumlah | 85,638 | 200,859 | 204,892 | 405,751 |

* Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, Banci Pendudok Malaysia tahun 1970, KualaLumpur (1972)

Kuala Trengganu adalah sebagai Ibu Negeri. Kawasan ini yang terletak didalam daerah Kuala Trengganu adalah kawasan yang terluas dan teramai sekali pendudok-pendudoknya. Mengikut banci tahun 1970 yang dijadualkan di atas, menunjukan jumalah pendudok di Kuala Trengganu ialah 173,907 orang iaitu 84,714 orang lelaki dan 89,193 orang perempuan.

Bandar Kuala Trengganu adalah salah satu daripada unit pentadbiran yang termasuk didalam kawasan Pilihanraya Negeri Kuala Trengganu Selatan. Di kawasan Bandar inilah terletaknya pusat bandar dan pusat pentadbiran bagi seluruh negeri Trengganu.

Sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Suruhanjaya Pilihan raya tahun 1958, negeri Trengganu dibahagikan kapada 24 kawasan pilihanraya(constituencies) bagi Dewan Undangan Negeri dan 6 kawasan bagi Dewan Ra'ayat(Parlimen). Didalam peruntukan tahun 1973, kawasan pilihanraya negeri Trengganu ini telah dipinda menjadi 28 kawasan Dewan Undangan Negeri dan 7 kawasan Parlimen. Kawasan-kawasan pilihanraya Dewan Undangan Negeri Trengganu sejak tahun-tahun 1958 hingga 1973( sebayak 24 kawasan) itu adalah seperti berikut:-

| | |
|---|---|
| 1. Kuala Besut | 13. Batu Buruk |
| 2. Kampung Raja | 14. Kuala Trengganu Tengah |
| 3. Ulu Besut | 15. Binjai |
| 4. Besut Tengah | 16. Ulu Trengganu Timur |
| 5. Setiu | 17. Ulu Trengganu Barat |
| 6. Batu Rakit | 18. Marang |
| 7. Kuala Nerus | 19. Sura |
| 8. Jeram | 20. Ulu Dungun |
| 9. Langkap | 21. Paka-Kerteh |
| 10. Bandar | 22. Kemaman Utara |
| 11. Ladang | 23. Cukai |
| 12. Bukit Besar | 24. Kemaman Selatan. |

(Lihat peta III)

University of Malaya

Mengikut pindaan tahun 1974, kawasan pilihanraya bagi Dewan Undangan negeri ini ditambahkan menjadi 28 kawasan. Kawasan-kawasan itu ialah:-

1. Kuala Besut
2. Kampung Raja
3. Bukit Kenak
4. Ulu Besut
5. Setiu
6. Langkap
7. Batu Rakit
8. Seberang Takir
9. Telemong
10. Binjai
11. Tanggol
12. Kuala Brang
13. Jeram
14. Bukit Tunggal
15. Manir
16. Bukit Payung
17. Bandar
18. Ladang
19. Batu Buruk
20. Wakaf Mempelan
21. Marang
22. Merchang
23. Sura
24. Jerangau
25. Paka
26. Kemasik
27. Bukit Bandi
28. Cukai

( lihat peta IV )

Kawasan-kawasan Pilihanraya Parlimennya dibahagikan kapada 6 kawasan iaitu sehingga tahun 1973 juga. Kawasan-kawasan ini ialah:-

1. Besut
2. Kuala Trengganu Utara
3. Kuala Trengganu Selatan
4. Trengganu Tengah
5. Dungun
6. Kemaman ( lihat peta III )

Mengikut pindaan yang sama dan berkuat-kuasa sejak 1974, Kawasan-kawasan Parlimen ini ditambah satu lagi menjadikan 7 kawasan semuanya. Kawasan-kawasan ini ialah:-

1. Besut
2. Ulu Nerus
3. Ulu Trengganu
4. Kuala Nerus
5. Kuala Trengganu
6. Dungun dan
7. Kemaman ( lihat peta IV )

Demografi

Pendudok-pendudok negeri Trengganu dapat dibahagikan kapada tiga kaum yang utama; iaitu terdiri daripada orang-orang Melayu, China dan India. Orang Melayu adalah merupakan kaum yang paling ramai sekali dan majoriti daripada mereka dianggap kaum yang terawal bermaustatin di negeri ini. Kebanyakan daripada orang-orang Melayu ini tinggal di kampung-kampung dan di pinggir pinggir pantai laut yang memanjang itu dan juga di tebing-tebing sungai Trengganu. Orang Melayu ini kebanyakannya terlibat dengan kerja-kerja sebagai petani, nelayan, pekebun-pekebun kecil, pe-kerja-pekerja kemahiran tangan dan sejak kebelakangan ini makin ramai orang-orang Melayu yang bekerja dengan kerajaan dan meme-gang peranan-peranan penting didalam pentadbiran negeri. Disampin itu juga telah ramai gulongan Melayu ini yang mula menceburkan

diri dalam perniagaan dan perdagangan. Ringkasnya dapat dilehat bahawa orang-orang Melayu di negeri Trengganu ini tergulong kapada 3 kumpulan sosial yang berbeza. Ketiga-tiga ini ialah gulongan atasan yang terdiri daripada kerabat-kerabat Di Raja, Menteri dan wakil-wakil kabinet serta pegawai-pegawai pangkat satu. Gulongan keduanya ialah gulongan pertengahan yang terdiri daripada kaki-tangan kerajaan berjawatan tetap, peniaga-peniaga dan pengusaha-pengusaha barang-barang tempatan. Ketiganya ialah gulongan bawahan yang terdiri daripada kumpulan yang majoriti. Orang-orang Melayu ini bekerja sebagai petani-petani, nelayan-nelayan, buroh-buroh kasar. Pendapatan mereka purata sangat rendah dan kehidupan mereka sentiasa terdedah oleh kesempitan-kesempitan walau pun telah banyak usaha-usaha kerajaan untok mengatasi mas'alah ini. Maseh terlalu ramai pendudok-pendudok negeri ini, mengikut kajian semula Rancangan Malaysia Ke-dua, yang berpendapatan antara $100 - $200 sebulan dan kebanyakannya didapati di-kawasan-kawasan di luar-bandar.[3] Oleh sebab kemiskinan ini juga lah banyak terdapat kejadian-kejadian keciciran, kerosakan akhlak, kekurangan sosialisasi politik yang betul dan seumpamanya. Akibat daripada kelemahan dan kepincangan inilah, mereka sangat mengharapkan kapada pemimpin pemimpin politik yang berkuasa untok membantu mereka mengatasi mas'alah ini. Mereka sangat mengharapkan agar wakil-wakil yang dicalunkan itu dapat memberikan khidmat yang berkesan kapada mereka, tidak mengira apakah parti yang berkuasa sekali pun.

---

(3) Kenyataan ini telah disebut oleh Chamil Wariya dalam artikel, "Ra'ayat sukakan kesusahan disorokkan", Suara Rakyat 25hb Oktober 1975.m.s.21.

Kaum yang keduanya mendiami negeri ini ialah terdiri daripada orang-orang China. Majoriti kaum China di negeri ini menetap dikawasan Bandar Kuala Trengganu serta pekan-pekan utama di tiap-tiap daerah negeri ini. Penumpuan mereka di kawasan-kawasan yang tersebut itu ialah dengan tujuan untok menjalankan perniagaan dan perdagangan, kerana mereka ini boleh dianggap menguasai sektor perniagaan negeri ini. Jenerasi yang baharu dari keturunan China ini pada hari ini sudah kelihatan tidak lagi mengkhususkan aktiviti-aktiviti kapada bidang perniagaan sahaja. Terdapat juga kaum China ini bekerja dengan kerajaan sama ada menjadi pegawai-pegawai, kerani-kerani, guru-sekolah dan sedikit-sedikit yang terlibat didalam pertubuhan-pertubuhan politik. Walau bagaimana pun kumpulan yang kedua ini adalah dikira maseh rendah dibandingkan dengan kaum Melayu.

Gulongan ketiga ialah terdiri daripada kumpulan berketurunan India, sama ada yang menganut ugama Hindu, Budha atau pun Islam. Kaum yang minoriti ini di katakan gulongan yang terakhir sekali sampai di negeri Trengganu ini. Kedatangan kaum India ini adalah kerana dorongan-dorongan ekonomi. Kegiatan-kegiatan mereka di bidang ini adalah lebeh berbagai dan tidak khusus kapada perniagaan semata-mata seperti yang berlaku kapada orang-orang China itu. Antara kegiatan-kegiatan ini ialah seperti berniaga, menjadi buroh-buroh kasar, pegawai-pegawai di pejabat-pejabat kerajaan dan badan-badan swasta, menjadi guru-guru, menternak lembu dan seumpamanya. Kebanyakan daripada mereka ini juga tinggal berselerak dimerata-rata bandar dan pekan-pekan dan kampung.

Di dalam tiap-tiap daerah di negeri ini boleh dikatakan terdapat orang-orang dari keturunan India ini. Berlainan sedikit dari kaum China, orang-orang India juga ramai didapati tinggal di kampung-kampung Melayu dan di kawasan-kawasan luar-bandar. Keadaan ini adalah disebabkan oleh kerana mereka lebeh mudah bercampur-gaul dengan orang-orang Melayu, mungkin disebabkan oleh ugama Islam yang dianuti oleh setengah daripada mereka itu, atau ada juga diantara mereka yang telah berumah tangga dengan dengan gadis-gadis Melayu tempatan.

Kaum-kaum lain yang juga terdapat di negeri ini sebagai suatu kumpulankecil ialah terdiri daripada orang-orang Pakistan, Selon, Yunan, kacukan dan dari kumpulan puak-puak asli sendiri yang mendiami kawasan pendalaman sedikit yang telah mula bercampur-gaul dengan dengan orang-orang Melayu sendiri. Untok melihat komposisi bangsa ini dengan jelas, di bawah ini dijadualkan anggaran-anggarannya mengikut banci tahun 1969.

Jadual 2 : Anggaran Pendudok Trenggganu mengikut Bangsa, Jantina dan Peratus, tahun 1969.*

| Bangsa | Lelaki | Perempuan | Jumlah | Peratus |
|---|---|---|---|---|
| Melayu | 184,097 | 188,480 | 372,577 | 92.5 |
| China | 12,598 | 11,125 | 23,723 | 5.9 |
| India/Pakistan | 3,719 | 1,723 | 4,902 | 1.2 |
| Lain-lain | 790 | 510 | 1,723 | 0.4 |
| Jumlah semua | 200,644 | 201,838 | 402,502 | 100.0% |

* Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, Perangkaan Penting Malaysia Barat tahun 1969(Jabatan Perangkaan Malaysia, K.Lumpur 1969 ) m.s. 5

University of Malaya

Ekonomi

Pendudok-pendudok negeri Trengganu dapat dilehat menjalankan berbagai-bagai kegiatan ekonomi. Perbezaan-perbezaan ini ternyata sekali apabila dilehat kapada komposisi kaum-kaum, tempat tinggal diantara bandar dengan desa dan kampung-kampung. Orang-orang Melayu yang tinggal didesa dan kampung-kampung itu lebeh ramai terlibat dengan kerja-kerja tani, kerja-kerja kemahiran tangan dan menjadi buroh-buroh di kawasan-kawasan penempatan baru dan ladang-ladang kelapa sawit. Di kampung-kampung dipinggir-pinggir pantai dan sungai pula, kebanyakan penghuni-penghuninya menjalankan kerja menangkap ikan. Di kawasan pendalaman pula ramai yang berkebun dan menanam anika jenis tanaman seperti buah-buahan, sayur-sayuran untok sara-diri dan juga untok jualan. Di masa-masa terakhir ini, beberapa jenis tanaman telah dipopularkan di negeri ini seperti kelapa sawit, tembakau dan kacang-kacang. Gulongan orang Melayu yang tinggal di bandar dan pekan-pekan pula lebeh ramai memegang jawatan di pejabat-pejabat kerajaan dan perbadan-perbadanan. Di samping itu pula sudah mula berniaga dan berjaja di pusat bandar dan pasar-pasar. Dilehat secara hitung panjang, orang-orang Melayu di negeri ini maseh di dalam peringkat taraf hidup yang rendah, walau pun tidak dapat dinafikan bahawa terdapat juga segulongan kaum Melayu yang kaya-raya dan memiliki modal yang besar didalam perniagaan-perniagaan tempatan dan pelaburan-pelaburan luar.

Orang-orang China pula majoritinya tinggal di dalam Bandar dan pekan-pekan utama di beberapa daerah di Trengganu.

Kaum China ini majoritinya pula menjalankan perniagaan dan perdagangan termasuk juga perusahaan-perusahaan kecil dan juga menjadi penjaja-penjaja. Di bandar-bandar dan pekan-pekan utama terdapat bangunan-bangunan dan rumah-rumah-kedai kepunyaan mereka. Sebahagian kecil daripada kaum China ini, bekerja dengan kerajaan dan setengahnya pula menjalankan perusahaan-perusahaan kemahiran seperti bertukang besi dan bertukang emas. Gulongan China ini boleh dikatakan mempunyai taraf ekonomi yang kukoh di negeri ini dan menguasai punca-punca pengeluaran. Oleh kerana kedudokan ekonomi yang stabil dan kukoh ini, kadang-kadang kelihatan sifat-sifat angkuh dan sombong mereka terhadap orang-orang Melayu yang akhirnya menimbulkan ketegangan dan disintegrasi antara kaum-kaum ini. Hubungan-hubungan yang mesera sangat jarang berlaku di kalangan jenerasi China baharu dengan kaum lain. Orang-orang China ini juga kurang berminat di dalam politik kerana kesibukan mereka kapada perniagaan mereka.

Orang-orang India pula yang lebeh ramai tinggal di bandar dan pekan-pekan utama, kebanyakannya menjalankan perniagaan juga. Selain daripada itu terdapat juga gulongan India ini yang berkerja sebagai pegawai-pegawai, kerani-kerani di pejabat-pejabat kerajaan di negeri ini, menjadi guru-guru sekolah dan juga menjadi buroh-buroh di jabatan-jabatan JKR dan LLN. Berlainan sedikit dengan kaum China, orang-orang India di Trengganu ini lebeh kerap berhubung dengan kaum Melayu. Mereka lebeh mudah bergaul dan mesera dengan orang-orang Melayu. Keadaan ini menyebabkan

kurangnya mas'alah-mas'alah timbul di kalangan kaum India dengan kaum Melayu ini. Terdapat juga sebilangan kaum India ini yang bekerja menternak lembu dan kambing untok mendapatkan susu.

Ditinjau kapada kaum-kaum lain yang minoriti itu didapati kebanyakan mereka ini juga bekerja sebagai peniaga-peniaga dan disamping itu menjawat tugas di pejabat-pejabat kerajaan dan swasta.

Ringkasnya dapat dikatakan bahawa ekonomi rakyat di negeri Trengganu ini sangat tergantung kapada hasil-hasil pertanian daripada gulongan kaum Melayu, terutamanya hasil daripada tanaman kelapa sawit dan kayu-kayan. Kemerusutan dan kemelesetan ekonomi negara sekarang ini telah menyebabkan keadaan ekonomi rakyat Trengganu turut terancam. Orang-orang Melayu yang lebeh banyak bergantung kapada hasil-hasil pertanian itu dan juga perikanan telah menghadapi berbagai krisis ekonomi yang kemudiannya melibatkan kapada tidak stabilnya proses politik negeri ini.

<u>Organisasi Politik</u>

Politik di negeri ini telah lama dikenali terutamanya sejak muncul gerakan nasionalisma menentang polisi penjajahan dalam tahun-tahun 1928.[4] Beberapa pertubuhan seperti 'Syarikat Islam' tahun 1922, telah ditubuhkan dan kemudiannya pada

---

(4) Dr.Burhanuddin, <u>Sejarah Perjuangan Kita</u> (The United Press, Penang, 1955) m.s.15

University of Malaya

tahun 1946 ditubuhkan pula Kesatuan Melayu Trengganu dan hasil daripada penubuhan dan kesedaran inilah lahirnya pertubuhan politik yang lebeh formal iaitu pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) dalam tahun 1946 juga.

Politik moden yang lebeh bererti di negeri Trengganu ini telah dimulakan didalam tahun 1955 sahaja. Politik sebagaimana yang difahamkan ialah satu bidang ilmu yang khusus tentang masyarakat yang bersangkut-paut dengan kekuasaan iaitu yang berhubung dengan pembentokan, penyebaran dan pengurusan kekuasaan. Jadi politik sebagaimana dipraktikkan pada peringkat awal ialah untok menyusun satu bentok pemerintahan yang dapat diterima oleh seluruh atau sekurang-kurangnya dari majoriti ra'ayat negeri ini. Setelah UMNO ditubuhkan didalam tahun 1946 itu, maka ujud pula parti-parti politik lain yang menentang dan tidak sefaham. Parti parti yang ditubuhkan ini ialah seperti, Parti Negara, tahun 1953, Parti Islam Se-Tanah Melayu(PAS), tahun 1956, Persatuan China Malaya(MCA), tahun 1954, Kongres India Se-Malaya(MIC), tahun 1959 dan PSRM sendiri yang ditubuhkan pada tahun 1955.

Kesemua parti-parti yang ditubuhkan di Trengganu ini menempuh berbagai-bagai cabaran dan tentangan kerana dasar-dasar dan ideoloji yang diperjuangkan adalah bertentangan di antara satu dengan yang lainnya. Oleh kerana itu kita dapati setengah parti itu muncul didalam usianya yang sangat singkat, kemudiannya berkubur begitu sahaja, kerana tidak mendapat sokongan dan sambutan daripada ra'ayat. Contohnya ialah seperti Parti Negara.

University of Malaya

Begitu juga ada parti-parti yang dapat mengekalkan kedudokannya hingga beberapa lama kerana mendapat sokongan daripada ra'ayat. Contohnya ialah parti Perikatan sendiri yang berkuasa hingga kehari ini, walaupun pernah mengalami kemerusutan dan kekalahan di tangan parti PAS.

Parti-parti yang bertanding di dalam pilihanraya-pilihanraya telah diberikan segala kebebasan untok menjalankan kempen, penerangan dan ceramah-ceramah untok mendapat sokongan pengundi pengundi. Setelah mengadakan 5 pilihanraya, yang tiap-tiap satu pilihanraya mengambil tempuh 5 tahun, didapati berbagai-bagai perubahan telah berlaku, baik kapada struktur partinya atau pun organisasi-organisasi parti tersebut kerana bertujuan untok meθ nyesuaikan dengan keinginan dan selera pendudok-pendudok yang berubah-ubah itu.

Sebagaimana yang telah dijadikan syarat, rakyat yang ber hak mengundi adalah terdiri daripada warga-negara yang berumor tidak kurang daripada 21 tahun. Mereka misti mendaftar sebagai pengundi dan misti mematuhi segala syarat-syarat sebagai se orang pengundi. Jumlah pengundi-pengundi di negeri Trengganu ini, mengikut Lapuran Suruhanjaya Pilihanraya, tahun 1969, ialah seramai 179,365 orang berbanding dengan daftar tahun 1964 yang berjumlah 145,217 orang pengundi. Mengikut lapuran yang dinyatakan oleh R.K.Vasil, 90% daripada jumlah ini adalah terdiri daripada pengundi pengundi Melayu. Untok melihat peratusannya yang lebeh lengkap, dijadualkan di sebelah kedudokan-kedudokan pengundi mengikut kaum.

Jadual 3: Peratus Pengundi-pengundi mengikut pembahagian kaum-kaum di kawasan Pilihanraya Parlimen Trengganu,1969.*

| Kawasan Pilihanraya | Melayu | China | India/dll |
|---|---|---|---|
| Besut | 98.0 | 1.9 | 0.1 |
| Kemaman | 84.7 | 14.0 | 1.3 |
| Trengganu Tengah | 98.3 | 1.6 | 0.1 |
| K.Trengganu Utara | 98.8 | 1.1 | 0.1 |
| Dungun | 90.8 | 8.2 | 1.2 |
| K.Trg. Selatan | 88.1 | 11.2 | 0.7 |

* Sumber: R.K.Vasil, The Malaysian General Election of 1969 (Oxford University Press, 1973, Singapore - K.Lumpur) m.s. 102 - 106.

Untok melihat jumlah pengundi-pengundi secara yang lebeh menyeluruh, disenaraikan bilangan-bilangannya berserta kawasan-kawasan Pilihanraya Dewan Undangan Negeri masing-masing di muka surat sebelah.

University of Malaya

Senarai Pengundi-pengundi bagi kawasan Pilihanraya Dewan Undangan Negeri Trengganu, mengikut daftar 1969.*

| | | | |
|---|---|---|---|
| 1. Kuala Besut | - | 7,341 | pengundi. |
| 2. Kampung Raja | - | 5,392 | " |
| 3. Ulu Besut | - | 7,808 | " |
| 4. Besut Tengah | - | 7,087 | " |
| 5. Setiu | - | 7,895 | " |
| 6, Batu Rakit | - | 8,460 | " |
| 7. Kuala Nerus | - | 7,705 | " |
| 8. Jeram | - | 6,905 | " |
| 9. Langkap | - | 7,117 | " |
| 10. Bandar | - | 6,510 | " |
| 11. Ladang | - | 7,436 | " |
| 12. Bukit Besar | - | 6,801 | " |
| 13. Batu Burok | - | 8,710 | " |
| 14. Marang | - | 9,251 | " |
| 15. Sura | - | 5,816 | " |
| 16. Ulu Dungun | - | 10,863 | " |
| 17. Paka/Kerteh | - | 7,742 | " |
| 18. Kemaman Utara | - | 4,824 | " |
| 19. Chukai | - | 5,375 | " |
| 20. Kemaman Selatan | - | 9,012 | " |
| 21. K.Trengganu Tengah | - | 8,426 | " |
| 22. Binjai | - | 8,836 | " |
| 23. Ulu Trengganu Timur | - | 7,012 | " |
| 24. Ulu Trg. Barat | - | 7,042 | " |

* Sumber: Suruhanjaya Pilihanraya, Penyata Pilihanraya Dewan Undangan Negeri dan Parlimen tahun 1969.

University of Malaya

# BAB II

## IDEOLOJI DAN ORGANISASI PSRM

### Pengenalan 'am

Partai Sosialis Rakyat Malaya (selepas ini akan diringkaskan sebagai PSRM), terkenal juga sebelumnya dengan nama Partai Rakyat. Dalam tahun-tahun 1958 hingga 1965 ia ada lah bergabung dengan parti Buroh dan parti Konvensi Nasional dan dikenali sebagai, Front Socialist (Barisan Sosialis).Parti ini menggunakan lambang kepala banteng dikelilingi oleh roda bergigi dua-belas(lihat rajah di sebelah)

PSRM adalah sebuah parti pembangkang yang dianggap sebagai sebuah parti yang berideoloji. Ia ditubuhkan sejak tahun 1955 lagi tetapi sejarah perkembangannya tidaklah sepesat parti parti pembangkang yang lain. Bagaimana pun kemalapan ini telah berubah di waktu-waktu terakhir ini terutama sejak parti Perikatan bergabung dengan beberapa buah parti pembangkang lain seperti PAS , Gerakan, PPP dan lain-lain lagi sejak 1 haribulan Januari 1973. Kini PSRM mula bergerak lebeh aktif terutamanya di negeri Trengganu ini. Perubahan dan perkembangan yang menggalakkan ini dapat dianggap sebagai satu perubahan didalam masyarakat di negeri ini terhadap politik berparti. Masyarakat dewasa ini kian memahami walau pun di peringkat yang maseh relatif rendah tentang peranan yang dimainkan oleh parti-parti politik dengan ideoloji-ideoloji yang diperjuangkannya itu.

LAMBANG PSRM

PSRM

Ideoloji satu-satu parti itu adalah menjadi alat yang paling utama di dalam gerakan-gerakan berpolitik. Ideoloji, mengikut konsepnya adalah sebagai pegangan falsafah politik yang diperjuangkan oleh se-sebuah parti politik. Olivi Brog pernah berkata, " Political ideology infact includes opinions and value-systems which serves as a basis for the actions of the political groups and those parts of the classic theories which may serve the main objectives of the modern political parties"(5)

Untok memahami tentang pergerakan parti PSRM ini, maka di dalam Bab II ini akan dibincangkan ideolojinya iaitu"Sosialisma" dan juga "Demokrasi" supaya dapat memberikan gambaran yang lebeh nyata apakah konsep Sosialisma yang sebenarnya yang diperjuangkan itu. Dapatkah ideoloji ini disesuaikan dengan keinginan ra'ayat negeri ini dan sejauh mana pula ianya dapat dipraktikkan dengan berkesan untok membina satu masyarakat yang adil, makmur dan progrosif dalam semua lapangan. Didalam Bab ini juga akan dibincangkan tentang bagaimanakah struktur dan organisasi PSRM disusun-atur supaya dapat disesuaikan dengan kemampuan-kemampuan ra'ayat. Di dalam perbincangan-perbincangan tentang tajuk di atas ini, penulis banyak sekali mendapat maklumat daripada pusat PSRM negeri Trengganu yang merupakan bahan-bahan 'literature' atau cabutan-cabutan tulisan PSRM, perlembagaan dan juga dari temu-ramah-temuramah dengan tokoh-tokoh utama PSRM Trengganu. Oleh itu banyak sekali kenyataan yang diutarakan di dalam bab ini tidak dimasukkan dengan catetan-catetan-kaki( Foot-note).

---

(5) Olivi Brog dalam The Profile of Party Ideologies, susunan Ralf Helenius. (Helsinki K.K.Kirjapaino, 1966) m.s. 4.

Ideoloji "Sosialisma" PSRM

Mengikut pandangan PSRM, Sosialisma itu adalah satu ideoloji zaman moden. Ia mewakili cita-cita manusia moden untok mendirikan satu masyarakat yang boleh menyalurkan sepenuh kebolehan dan potensi manusia. Sosialisma bukanlah cuma pernyataan dari harapan atau keinginan tetapi ia adalah satu keperluan sebab masyarakat di zaman Sains ada yang tidak dapat memecahkan mas'alah-mas'alahnya yang tumbuh di bawah sistem yang lama itu. Sistem yang lama dan yang ada sekarang dianggap tidak lancar, membazir dan tidak dapat menggunakan kelebehan-kelebehan yang didapati dari Sains dan Teknoloji dengan sepenuhnya. Ia juga tidak dapat memecahkan mas'alah-mas'alah seperti prinsip-prinsip kemaknusiaan, kemiskinan, kejahilan dan berbagai-bagai penyakit masyarakat. Sosialisma tidak dapat dielakkan kerana sistem lama yang dikuasai oleh gulongan kapitalis itu sedang menghadapi krisis. Cogan-kata Sosialis ialah, " dari seorang menurut kebolehannya kapada seorang menurut jasanya".

Sosialisma, seperti yang difahamkan oleh PSRM ialah ideoloji yang memperjuangkan konsep kemuliaan dan persamaan hak maknusia. Sebenarnya ideoloji Sosialisma ini mempunyai berbagai-bagai pandangan. Sosialisma, boleh dilehat dari segi politik, segi ekonomi, segi falsafah dan yang lebeh "extremenya" ialah sebagai kepercayaan. Berbagai-bagai difinisi telah dikemukakan oleh sarjana-sarjana Sains Sosial tentang konsep Sosialisma itu.

Gustave Le Bon mengatakan, Sosialisma itu mengandungi satu sintisis kepercayaan, keinginan dan idea-idea yang reformis yang dapat menimbulkan kesedaran kapada akal manusia.[6] Mengikut Carl Landauer pula, Sosialisma itu adalah satu sistem milik beramai yang ditimbulkan dengan tujuan untok mengekalkan taburan pendapatan, kekayaan, peluang-peluang dan kuasa-kuasa ekonomi seberapa dekat yang mungkin.[7]

Dictionary of Sociology pula mengatakan bahawa Sosialisma itu adalah satu falsafah sosial. Antara penjelasannya berbunyi, " Socialism is a social philosophy or a system of social organisation based on the principle of the public ownership of the material instruments of production and economic services; it is essentially an economic concept rather than a political one. The extensive confusion on this point arises mainly from and sources. First, the recognition that the political action will ordinarilly be required to establish Socialism in a society that does posses it, and second; the realization that the Socialism can hardly be expected to function with smoothness and stability in anything but a Democratic society" (8)

Ringkasnya dapat dikatakan bahawa Sosialisma itu adalah satu falsafah sosial yang telah dijadikan sebagai dokrin yang berkisar kapada tujuan untok menyama-ratakan hak asasi manusia di dalam satu-satu masyarakat. Konsep Sosialisma itu boleh dilehat dan ditinjau dari beberapa segi seperti segi politik, ekonomi, falsafah dan juga sebagai kepercayaan. Dalam kebanyakan

---

(6) Gustave Le Bon, The Psychology of Socialism, (Fraser Publishing Co. Wells, Vermont, 1965) m.s. 29.

(7) Carl Landauer, Europian Socialism: A History of Ideas and Movement, (Berkeley & Los Angeles, University of California Press - 1959) m.s. 1 - 5.

masyarakat, Sosialisma itu dikatakan lebeh condong kapada faktur ekonomi dimana dikatakan alat produksi dan hasil-hasilnya dari milik persaorangan berpindah kapada milik bersama angguta-angguta masyarakat itu.

Sosialisma, mengikut PSRM seterusnya ialah yang bercorak saintifik. Mengikut pandangan dan praktik PSRM, Sosialisma Saintifik itu adalah satu tiori politik yang berdasarkan hukum perkembangan masyarakat dan dipraktikkan untok mengkaji dan mengubah bentok dan perlakuan satu-satu masyarakat. Dari kajian ilmu yang khusus tentang masyarakat inilah yang memberikan ideoloji ini namanya sebagai yang disebut, "Sosialisma Saintifik". Mengikut fahaman yang dipraktikkan oleh PSRM, Sosialisma Saintifik ini adalah semata-mata satu ideoloji politik yang dicipta oleh manusia untok menyusun angguta-angguta masyarakatnya, supaya dapat memberikan sumbangan yang paling saksama, adil dan seimbang untok semua angguta. Sifat satu sains tiori itu adalah tidak muktamat kerana pengtahuan-pengtahuan dan pengalaman-pengalaman manusia yang sentiasa berubah-ubah. Maka dari semasa kesemasa akan menempuh berbagai-bagai pindaan sesuai dengan penemuan-penemuan sains yang lebeh berguna. Maka Sosialisma Saintifik PSRM ini juga terta'aluk kapada peraturan dan procedure yang sama.

Kesedaran PSRM untok memperjuangkan ideoloji Sosialisma sebagaimana yang difahamkan adalah dengan melihat perbezaan-perbezaan sosial yang kian hari bertambah meluas. Terdapatnya gulo-

---

(8) Dictionary of Sociology and Related Science, (Henry Pratt FairChild and Hundred Authorities, Littlefield, Adams & Co. Inc. Adam Drive, Totowa, New Jersey) m.s. 296.

ngan-gulongan ra'ayat miskin yang bertambah-tambah manakala di satu pehak lain muncul pula satu gulongan yang berkuasa yang menjadi semakin kaya dan mewah. Perkara yang sangat dikhuatirkan ialah dengan bertambahnya penindasan gulongan berkuasa keatas gulongan lemah yang majoriti yang terdiri daripada petani-petani nelayan-nelayan, buroh-buroh dan peniaga-peniaga kecil untok menjadikan mereka bertambah kuat, tambah kaya dan berkuasa dalam semua aspek hidup bermasyarakat. Gulongan yang berkuasa inilah yang dikenali sebagai Kapitalis dari gulongan Imprialis dan Feudalis. Dengan harapan untok mengecil jurang inilah, maka PSRM telah ditubuhkan dengan tujuan dan matlamat utamanya untok meninggikan taraf hidup gulongan-gulongan miskin yang terutamanya dari kaum Melayu disampin meujudkan pembahagian hak yang lebeh adil dan lebeh menyeluruh dan menghapuskan kumpulan-kumpulan penindas yang mewah kerana rampasan-rampasan hak yang telah dilakukan oleh mereka.

Dalam percubaan untok menghapuskan gulongan-gulongan penindas inilah PSRM telah menyusun beberapa prinsip-prinsip asas sebagai dasar perjuangannya. Antara prinsip-prinsip inilah, untok meujudkan satu semangat yang menentang segala bentok eksploitasi dan penindasan-penindasan yang dipesakai sejak beberapa lama itu. Penentangan-penentangan ini ialah: Anti-Imprialisma, Anti Feudalisma dan Anti-Kapitalisma. Ketiga-tiga faktur yang sangat-sangat ditentang ini adalah yang telah membawakan perbezaan-perbezaan sosial yang tambah meluas itu. Segala bentok Imprialisma, Inggeris-Amerika Sharikat atau gabungan-gabungan reaksioner adalah ditentang. Sejarah lama telah membuktikan bahawa gulongan Imprialis ini

telah merampas banyak hak-hak ra'ayat negeri ini sejak belum Merdeka dan sehingga kehari ini saki-bakinya maseh banyak didapati. PSRM juga menentang segala bentok kesan penjajahan lama yang mengagungkan gulongan feudal, raja-raja dan keturunan bangsawan. Gulongan-gulongan feudal ini adalah yang menjadi kemegahan dan keagungan bangsa Melayu telah diperalatkan oleh penjajah untok memeras gulongan ra'ayat biasa. Dengan keistemewaan yang telah diberikan oleh penjajah kapada mereka, telah menggunakan pula kuasa ini untok menindas ra'ayat dengan berbagai-bagai bentok perlembagaan yang dinasihati oleh kuasa Kolonial itu. Inilah yang menjadi matlamat perjuangan PSRM, iaitu untok mencapai Kemerdekaan yang sepenuhnya, tidak hanya di segi politik tetapi merangkumi ekonomi, sosial, kebudayaan dan seumpamanya. Pucuk pimpinan sekarang dikuasai oleh gulongan-gulongan atasan dan kapitalis-kapitalis feudal. Kerajaan Perikatan mengikut PSRM adalah sama bentoknya dengan penjajahan baru(Neo-Colonization). Kuasa politik yang dikatakan berada ditangan orang-orang Melayu tidak mempunyai erti yang mutlak, bahkan kuasa politik Melayu ini hanya merupakan satu penipuan yang dijadikan alat oleh gulongan-gulongan feudal Melayu untok mendapatkan sokongan daripada gulongan bawahan agar mereka akan dapat terus berkuasa. Maka atas fahaman inilah PSRM telah mendakwa bahawa pemerintahan yang ada sekarang harus diubah kapada satu bentok yang baharu yang lebeh rasional, ideal dan progresif, dan membawa ra'ayat negara ini kapada satu bentok Sosialis dimana keuntongan tidak dipentingkan tetapi ialah untok mencapai ketenangan hati dan kebahagian hidup. Dengan wang telah menyebab

kan pemikiran manusia jadi tidak tenteram. Dasar parti ialah menilai kebolehan dan kreatif, kemudiannya memberikan ganjaran yang setimbal dengan kebolehan. Dalam masyarakat Sosialis siapa yang bekerja dengan keahlian dan kebolehan yang istemewa akan diberi ganjaran dan upah yang baik dan memuaskan dinilai mengikut kualiti dan jumlah pekerjaannya, tetapi tidak pula dapat menukarkan menjadi pendapatan yang tidak diusahakan dengan membeli alat-alat penghasilan dan kemudian hidup mewah dengan hasil usaha orang lain. Mereka tidak boleh membeli alat-alat penghasilan itu walau pun atas sebab-sebab yang amat baik; Bahawa didalam masyarakat Sosialis, alat penghasilan itu menjadi milik ra'ayat dan tidak dapat dijual-beli. Gaji yang lebeh besar yang diterimanya dengan pekerjaannya yang lebeh baik dan besar, memungkinkan ia menikmati kehidupan yang lebeh baik daripada orang-orang yang lebeh kecil pendapatannya. Akan tetapi pendapatannya yang lebeh banyak itu tidak memungkinkan ia memeras orang-orang lain. Sekali pun terdapat pembahagian gaji yang tidak sama namun pembahagian kesempatannya adalah adil dan sama-rata. Sekali pun para pekerja yang ahli memperolehi gaji yang lebeh tinggi, namun para pekerja yang bukan ahli mudah memperoleh latihan dan pengalaman yang diperlukan untok menjadikan mereka pekerja yang ahli; Sekali pun para pentadbir, jurutera, penulis dan seniman memperoleh gaji yang lebeh, namun pendidekan yang percuma bagi setiap orang adalah berdasarkan kesanggupannya untok berlajar bagi pekerjaannya itu. Dan setiap orang dalam masyarakat Sosialis berhak memperolehi faedah-faedah. Angguta-angguta Sosialis tidaklah untok merampas

harta peribadi( personal whealth) orang lain tetapi menghendaki lebeh ramai orang memiliki harta-harta peribadi daripada yang lepas-lepas. Lebeh banyak harta peribadi untok keperluan dan kesenangan, dan tidak ada harta peribadi untok penekanan dan pemerasan, dan inilah yang dikatakan, Sosialisma.

Sebelumnya tingkat Sosialisma dicapai, PSRM juga mendokong satu lagi bentok ideoloji sampingan iaitu meujudkan satu bentok Demokrasi yang luas dalam keadaan kemerdekaan nasional yang tulin. PSRM memperjuangkan sebarang bentok penjajahan baik dari dalam mahu pun dari luar. PSRM ingin membawakakan ra'ayat negara ini hidup lebeh bebas dan merdeka sepenuh-penuhnya, baik yang berbentok lama atau pun yang baharu yang diikat oleh kuasa-kuasa Imprialis Inggeris-Amerika Sharikat dan juga sistem Feudal yang diwarisi itu. Demokrasi yang diperjuangkan ini adalah dengan harapan untok meninggikan lagi taraf hidup ra'ayat, bukan sahaja dari gulongan petani-petani yang miskin, malah untok semua gulongan ra'ayat yang tertindas dan ditindas, akibat daripada sistem pentadbiran yang separuh Feudal dan separuh Kolonial. Demokrasi yang dimaksudkan ini ialah bukan setakat politik, malah merangkumi keseluruhan aspek kehidupan bermasyarakat. Demokrasi yang lebeh ditekankan oleh PSRM ialah, Demokrasi Berpimpinan. Demokrasi ini ialah satu bentok demokrasi yang berdasarkan pimpinan dan pimpinan yang berdasarkan kapada demokrasi. Dasar ini menentang sebarang bentok otokrasi atau pun kekuasaan persaorangan dan anarkisma atau kebebasan-kebebasan yang melampaui had parti. Selain daripada itu PSRM juga menekankan kapada dasar Demokrasi-

University of Malaya

Berpusat. Demokrasi bentok ini adalah dibina atas dasar demokrasi yang berpandukan perpusatan pimpinan, kawalan dan kebebasan dengan displin. Demokrasi dengan tidak ada penduan berpusat adalah dikatakan sebagai 'anarchy' dan kebebasan tanpa adanya displin-displin dianggapkan sebagai 'incense'. Kedua-dua konsep ini, anarchy dan incense, adalah merupakan konsep yang negatif dan bertentangan pula dengan cita-cita kelas pekerja.

Aspek-aspek demokrasi dalam parti ini terletak pada peringkat pemilihan dan perbincangan-perbincangan bebas. Jawatankuasa pusat dan semua jawatankuasa lain di negeri-negeri dan daerah-daerah dipilih dengan teratur oleh konfrensi-konfrensi perwakilan untok berkuasa selama masa yang ditentukan dan bertanggung-jawab pula dengan konfrensi-konfrensi itu. Pemilihan-pemilihan demikian dijalankan dalam suasana sesuai dan bebas berbincang. Sifat-sifat demokrasi ini adalah dianggap sangat penting untok kesuburan dan kekuatan organisasi-organisasi revolutioner kerana melalui demokrasi sahaja semangat ra'ayat dapat ditimbulkan dan dapatlah menyumbangkan daya-cipta mereka.. Sungguhpun begitu, demokrasi ini ada pula batas-batasnya. Ia bukanlah 'ultra-demokrasi' atau 'anarchy' tetapi adalah demokrasi dengan pengawalan dan arahan supaya tidak timbul perbincangan-perbincangan yang tidak berkeputusan. Semua soal-soal yang dianggap penting hendaklah diputuskan bersama. Andainya timbul perselisehan maka parti harus membenarkan perbincangan-perbincangan yang bebas dan luas dan patut pula melambatkan membuat keputusan sehingga sampai masa yang paling sesuai untok berbuat demikian. Inilah ciri-ciri utama yang diberatkan oleh PSRM dengan konsep demokrasi yang diperjuangkannya. Konsep

University of Malaya

ini adalah lebeh terhad kapada praktiknya sahaja didalam penyusunan organisasi parti. Konsep demokrasi dalam erti-kata yang lebeh luas, mempunyai banyak difinisi. Salah satu pandangan dan tafsiran tentang demokrasi ini telah dikemukakan oleh Christenson yang berbunyi, "..... demokrasi itu adalah satu sistem politik dalam mana ra'ayat dengan suka-rela bersetuju dan menjadi peserta teramai didalam pemerintahan. Demokrasi dibena atas kehendak-kehendak asasi manusia. Ciri-ciri penting dalam konsep demokrasi ini ialah:-

i) Kebebasan ra'ayat dalam kehidupan bermasyarakat.

ii) Persamaan hak ra'ayat didalam masyarakat.

iii) Penyertaan dan persetujuan ra'ayat teramai di dalam satu-satu pentadbiran.

iv) Demokrasi sebagai satu cara memerintah.

v) Kejujuran dan keadilan pemerintahan.

vi) Keputusan-keputusan harus melalui undian.

vii) Keputusan-keputusan harus juga terbuka dan tentatif.

viii) Keputusan-keputusan yang diambil adalah misti mendapat sokongan daripada suara ramai.

ix) Kepercayaan demokrasi adalah kapada manusia dan kemajuan.(9)

Berbagai-bagai lagi difinisi telah diterangkan kapada konsep 'Demokrasi' ini, seperti 'Kerajaan oleh Ra'ayat, Kebebasan bertindak dan bersuara' dan lain-lain lagi. Kesemua ini adalah lebeh longgar untok dipergunakan didalam kontek ideoloji PSRM ini.

---

(9) Reo M.C.Christenson dan lain-lain dlm. Ideologies and Modern Politics ( Thomas Nelson & Sons Ltd.(c) 1971 by Dodd, Mead and Co. Inc. Great Britain ) passim

Struktur dan Organisasi PSRM

Sesaorang warga-negara Malaysia, lelaki atau perempuan yang telah meningkat umor 18 tahun, boleh mengambil bahagian dan menganggutai parti ini dengan syarat mematuhi displin-displin parti dan membayar yurannya. Sebelum sesaorang itu diterima menjadi ahli penuh, ia harus menempuh peringkat sebagai angguta percubaan, dan setelah tamat tempuhnya baharulah ia boleh diterima sebagai angguta penuh. Warga-negara yang dimaksudkan ini adalah meliputi semua kaum dan tidak mengira keturunannya. Keadaan ini adalah berlainan dengan apa yang dipraktikkan oleh parti-parti lain seperti UMNO, PAS, DAP dan sebagainya itu. UMNO, misalnya memperjuangkan bangsa Melayu, manakala PAS pula lebeh memberatkan kapada Islam yang secara langsungnya terdiri daripada orang-orang Melayu juga, dan DAP pula untok kaum-kaum China. Dengan lain perkataan, PSRM adalah parti yang ditubuhkan tidak bercorak perkauman.

Tiap-tiap seorang angguta parti mempunyai tanggung jawab dan kewajipan-kewajipan tertentu yang perlu dipatuhi. Sesaorang angguta yang tidak mematuhi displin-displin partai akan diberi amaran keras oleh jawatan kuasa atau dibuang terus daripada menjadi ahli. Prinsip penyusunan dan organisasi partai adalah Demokrasi berpimpinan yang berdasarkan kapada demokrasi, dan demokrasi yang berdasarkan kapada pimpinan.

Cawangan dan Ranting

PSRM mempunyai 4 peringkat organisasi:-

i) Peringkat Nasional

ii) Peringkat Negeri

iii) Peringkat Daerah

iv) Peringkat Ranting (unit asas)

Tiap-tiap peringkat organisasi ini, mempunyai keahlian dan jawatan kuasa yang berasingan yang juga bertugas untok menghadziri rapat-rapat perwakilan atas atau pun kongres-kongres peringkat atas. Tiap-tiap peringkat organisasi diatas itu terdiri daripada angguta-angguta penuh dan angguta calun. Angguta jawatan kuasa parti atau disebut, Kongres Nasional Partai, adalah dipilih bagi tempuh 3 tahun. Dalam masa tempuh setahun sekali, satu sidang Kongres Nasional akan dijalankan untok mendengar dan memeriksa lapuran-lapuran jawatan kuasa pusat dan lain-lain badan pusat bagi menentukan garis-garis dan dasar-dasar partai; meminda perlembagaan dan memilih jawatan kuasa p jawatan kuasa Pusat dan seorang juru odit Agung. Apabila Kongres Nasional tidak mengadakan sidangnya, maka jawatan kuasa pusat bertugas untok memimpin seluruh kerja partai. Jawatan kuasa Pusat akan mengadakan sidang penuhnya sekurang-kurangnya 4 bulan sekali yang dipanggil oleh Biro Politik. Pengerusi dan juga Naib Pengerusi Jawatan kuasa Pusat adalah ditugaskan untok mempengerusikan sidang-sidang kongres itu.

Organisasi-organisasi di peringkat negeri dan Daerah-daerah pula dipilih bagi tempuh 2 tahun. Sidang-sidang Kongres bagi tiap tiap peringkat ini akan dijalankan bagi tempuh yang berlainan(Lihat rajah organisasi PSRM di muka surat 39 ) Bilangan angguta-angguta jawatan kuasa partai adalah ditentukan oleh Kongres atau rapat-rapat

perwakilan. Bagi Peringkat Nasional ahli-ahli jawatan kuasa terdiri di antara 17 hingga 35 orang angguta penuh dan 5 hingga 15 orang angguta-angguta calun. Jawatan kuasa Nasional ini terdiri daripada seorang Pengerusi, seorang Naib Pengerusi, seorang Setia Usaha Agung dan Penolong Setia Usaha dan ahli-ahli jawatan kuasa, termasuk angguta-angguta calun.

Mengikut kenyataan terakhir dari PSRM, tidak dapat ditubuhkan lagi satu organisasi yang khusus tentang seksi-seksi pemuda atau seksi wanita seperti yang terdapat pada parti-parti UMNO dan PAS. Keadaan ini adalah disebabkan oleh bilangan wanita-wanita yang menceburkan diri secara aktif di dalam PSRM adalah sangat kecil. Walau pun terdapat seorang wanita didalam jawatan kuasa Pusat yang bertugas sebagai ketua seksi wanita tetapi fungsinya tidaklah sama seperti yang dipraktikkan oleh parti-parti UMNO dan PAS itu. Ketua Seksi Wanita ini yang menjadi ahli jawatan kuasa Pusat ini ialah Sdri.Siti Nor Hamid Tuah.

Berdasarkan kapada Kongres terakhir peringkat Nasional, ke-16, Sidang Kedua yang dijalankan di Kuala Trengganu pada 2hb. Ogos 1975, telah menetap dan meluluskan barisan ahli-ahli jawatan kuasanya seramai 26 orang itu. Di peringkat Negeri juga, sidang telah meluluskan 20 orang jawatan kuasa negeri Trengganu untok Kongres Negeri. ( Lihat senarai ahli-ahli jawatan kuasa Pusat dan Ahli-ahli jawatan kuasa Negeri Trengganu pada muka surat 40 dan 41)

## RAJAH ORGANISASI PSRM DISEMUA PERINGKAT

| PERINGKAT | BADAN | PEMILIHAN | PERSIDANGAN |
|---|---|---|---|
| NASIONAL | J.Kuasa Pusat | 3 th sekali | 4 bln. sekali |
| | Kongress Nasional | 3 " | 1 th. " |
| NEGERI | Wakil / J.K.Negeri | 2 " | 3 bln. " |
| | Kongress Negeri + + + | 2 " | 6 bln. " |
| DAERAH | Wakil / J.K.Daerah | 1 th. " | 2 bln. " |
| | Kongress Daerah + + + + | 1 th. " | 6 bln. " |
| KIM / KAMPUNG / LANG DAN LAIN2 | Wakil / J.K.Ranting | 1 th. " | 1 bln. " |
| | Rapat Perwakilan/ Rapat Angguta/Rapat Umum & Ranting + + + + | 1 th. " | 3 bln. " |

——→ garis pembentokan

- - - -→ " tanggongjawap

\+ organisasi setarap

University of Malaya

AHLI-AHLI JAWATAN KUASA PUSAT
YANG DILULUSKAN OLEH SIDANG KONGRES NASIONAL KE-16

| | | | |
|---|---|---|---|
| 1. | Sdr. Kassim Ahmad | - | Pengerusi |
| 2. | Hasnul Hadi | - | Naib Pengerusi |
| 3. | Syed Hamid Ali | - | Setia Usaha |
| 4. | Satar Haji Dahan | - | Pen. Setia Usaha I |
| 5. | Razak Ahmad | - | Bendahari Agung |
| 6. | Datok Kampo Radjo | - | Jawatan kuasa |
| 7. | Omar Othman | - | " |
| 8. | Dr.Syed Husin Ali | - | " |
| 9. | Mohideen Abd. Kadir | - | " |
| 10. | Mukhtar Haji Ab.Rahim | - | " |
| 11. | T.Rajamoorthy | - | " |
| 12. | Zulkifli Mohd Amin | - | " |
| 13. | Nik Ziz Mohd Min | - | " |
| 14. | Sanusi Osman | - | " |
| 15. | Dzulkifli Ismail | - | " |
| 16. | C.C.Yong | - | " |
| 17. | Sdri.Siti Nor Hamid Tuah | - | " |
| 18. | Sdr. Hendon Jaafar | - | Angguta calun |
| 19. | S.Sivasubramanian | - | " |
| 20. | S.T.Gamany | - | " |
| 21. | Halim Ali | - | " |
| 22. | Sayah Mohamad | - | " |
| 23. | Tan Ee Wah | - | " |
| 24. | Chin Pang | - | " |
| 25. | Mazlan Yahaya | - | " |
| 26. | Teoh Choo Guan | - | " |

University of Malaya

## AHLI-AHLI JAWATAN KUASA NEGERI
## DILULUS OLEH SIDANG KONGRES NEGERI DI KEMAMAN TRG.- 1975

| | | | |
|---|---|---|---|
| 1. | Sdr. Mazlan Embong | - | Pengerusi |
| 2. | Awang Ali | - | Naib Pengerusi |
| 3. | Mukhtar Hj.Ab.Rahim | - | Setia Usaha |
| 4. | Tg.Ahmad Hussin | - | Pen.Setia Usaha |
| 5. | Abdullah Hj.Abas | - | Bendahari |
| 6. | Sdri.Atikah Abdullah | - | Jawatan kuasa |
| 7. | Md.Ali Omar | - | " |
| 8. | Engku Husin Ahmad | - | " |
| 9. | Syed Shafei T.Besar | - | " |
| 10. | Md.Zaid Long | - | " |
| 11. | Wan Abdullah Ali | - | " |
| 12. | Fatah Abdul Jalil | - | " |
| 13. | Ismail Awang | - | " |
| 14. | Abd.Hamid Embong | - | " |
| 15. | Ab.Rahman Ngah | - | " |
| 16. | Adnan Aziz | - | Angguta calun |
| 17. | Hj.Yusof Embong | - | " |
| 18. | Hj.Malik Mohd Ali | - | " |
| 19. | Zahari Awang | - | " |
| 20. | Ab.Rahman Mohamad | - | " |
| 21. | Hj.Ab.Malik Mohd Ali | - | Pemereksa kira-kira |
| 22. | Hasim Abdullah | - | " |

University of Malaya

Keanggutaan PSRM

Berdasarkan kapada perlembagaan PSRM, setiap warga negara Malaysia yang telah meningkat umor 18 tahun keatas, adalah berhak untok menjadi angguta partai dan mengambil bahagian-bahagian yang cergas di dalam partai. Dalam fasal-fasal 3 hingga 10 dijelaskan beberapa syarat yang perlu dipatuhi oleh setiap angguta-angguta partai. Di antara beberapa syarat atau kewajipan sesaorang ahli ialah:-

i) Mempelajari dan mengamalkan tiori Sosialisma Saintifik secara praktikal.

ii) Memelihara dan mengembangkan perpaduan partai.

iii) Menjalankan dengan setia segala dasar-dasar dan keputusan partai dan sanggup menunaikan tugas-tugas yang dimandatkan.

iv) Mematuhi perlembagaan partai.

v) Meletakkan kepentingan partai dan ra'ayat jelata di atas kepentingan peribadi mereka dan memperteguhkan pertalian mereka dengan ra'ayat dan berkhidmat dengan sepenuh jiwa raga untok kepentingan ra'ayat.

vi) Berunding dengan ra'ayat apabila timbul satu-satu mas'alah.

vii) Berani membuat kritik dan mengkritik diri.(10)

Disampin kewajipan-kewajipan ini, PSRM juga didalam perlembagaannya mensenaraikan beberapa hak seperti kebebasan-kebebasan menyertai perbincangan, membuat cadangan-cadangan, memilih dan dipilih, mengkritik satu-satu badan atau ahli-ahli jawatan kuasa dan lain-lain.

---

(10) Sekritariat Pusat PSRM, Perlembagaan PSRM (Sekritariat Pusat PSRM, Bangsar, Kuala Lumpur, 1970 ) m.s. 2 - 3.

# BAB III

## JATUH BANGUN PSRM DI NEGERI TRENGGANU

### Pengenalan 'am

Bab ini akan diperlehatkan berbagai-bagai reaksi ra'ayat di Trengganu terhadap kemunculan PSRM sebagai parti pembangkang yang dianggap revolusioner. Sejauh manakah PSRM telah mampu menarik minat ra'ayat supaya menyokong perjuangannya untok menuju kapada peringkat Sosialis. Sejak PSRM diperkenalkan di negeri Trengganu dalam tahun 1955 lagi, dan menyertai pilihanraya-pilihanraya umum di Trengganu hingga Pilihanraya Nasional 1974, tidak pernah lagi mendapat sebarang kemenangan. Secara kasarnya dapat dikatakan bahawa parti ini tidak mendapat sambutan ra'ayat. Adakah disebabkan oleh ideolojinya atau struktur organisasinya yang menyebabkan sambutan yang dingin ini? Atau, adakah faktur-faktur lain yang ra'ayat anggap tidak menguntongkan mereka? Jikalau perjuangan PSRM ini tidak menguntongkan ra'ayat, maka ini sudah bercanggah dengan prinsip-prinsip dasar PSRM yang merupakan parti ra'ayat atau parti marhain yang semata-mata bertujuan untok memperbaiki taraf hidup ra'ayat-ra'ayat gulongan marhain dan gulongan miskin. Atas persoalan inilah penulis akan membicarakan jatuh-bangun PSRM di negeri ini. Berapakah peratusan-peratusan undi yang mampu didapati dalam pilihanraya-pilihanraya sejak awal hingga keakhirnya.

University of Malaya

Dengan ringkas bab ini akan menerangkan terlebeh dahulu sejarah penubuhan PSRM di negeri Trengganu secara keseluruhan supaya dapat memberi gambaran kasar tentang peringkat-peringkat kemunculannya.

Untok meninjau jatuh-bangun PSRM di Trengganu, bab ini juga akan membincangkan tentang kepemimpinan PSRM sendiri. Telah dipersetujui oleh sarjana-sarjana Sains Sosial, bahawa faktur kepemimpinan juga adalah salah satu punca jaya dan gagalnya satu-satu organisasi seperti organisasi politik ini. Kualiti pemimpin-pemimpin yang diberi tugas didalam kontek ini adalah dikira sebagai salah satu faktur sampingan yang banyak mempengaruhi kejayaan dan kegagalan PSRM sendiri. Mengikut pendapat Dr.S.P.Siagian M.P.A. bahawa pemimpin itu adalah merupakan inti daripada pentadbiran yang merupakan penggerak dan alat dalam satu-satu organisasi politik. Sukses serta gagalnya satu-satu parti politik, salah satu sebabnya adalah ditentukan oleh kualitas kepemimpinan yang dimiliki oleh orang-orang yang diserahi tugas-tugas memimpin dalam organisasi tersebut.[11]

Sebagai langkah yang lebeh praktis untok melihat kemampuan PSRM menarik ra'ayat supaya menyokong mereka, maka selanjutnya didalam bab ini akan dijadualkan keputusan-keputusan pilihanraya sejak tahun-tahun 1959 hinggalah tahun 1974. Dengan bedasarkan kapada keputusan-keputusan itu, kita akan dapat membuat ulasan-ulasan tentang jatuh-bangunnya PSRM di Trengganu ini.

---

[11] Dr.S.P.Siagian M.P.A., <u>Falsafat Administrasi</u> (Penerbitan P.T.Gunong Agung, Djakarta 1971 ) m.s. 48

PSRM di negeri Trengganu

Partai Rakyat, iaitu gabungan parti-parti PSRM, Parti Buroh dan Parti Konvensi Nasional telah diasaskan oleh seorang tokoh politik tanah air yang terkenal, iaitu Ahmad Boestaman, pada tahun 1955 setelah gagal menubuhkan parti Kebangsaan Melayu (M.N.P.) dan angkatan Pemuda Insaf (API). Malangnya, Barisan Sosialis(Front Socialist) ini tidak lama kekal kerana dalam tahun 1965, mereka telah berpecah kembali akibat dari perselisehan yang berlaku didalam barisan ini. PSRM, kemudiannya ujud sebagai satu parti yang tidak terikat kapada mana-mana pehak.

PSRM negeri Trengganu mula ditubuhkan, sebaik sahaja peringkat nasional didaftarkan, iaitu pada 18hb.Nobember 1955. Penubuhan PSRM negeri Trengganu ini diasaskan atas inisiatif seorang tokoh politik tempatan yang pernah berhubung rapat dengan Ahmad Boestaman dan Dr.Burhanuddin. Beliau ialah Abu Bakar Mohamad Amin yang ketika itu bertempat di daerah Kemaman. PSRM kemudiannya dikembangkan cawangan-cawangannya hingga ke Kuala Trengganu dimana mula dijadikan pusat pada bulan Oktober 1956. Diantara beberapa orang tokoh tempatan yang aktif memperjuangkan dasar PSRM ketika itu ialah seperti:-

i) Da Abdul Jalil Awang

ii) Syed Abdullah

iii) Abdul Latif Haji Fakeh

iv) Mukhtar Haji Ab.Rahim dan lain-lain lagi.

PSRM negeri Trengganu mula menamakan calun-calunnya yang pertama dalam pilihanraya Umum tahun 1959. 17 calun telah dikemukakan untok dipertandingkan di peringkat Dewan Undangan Negeri dan satu sahaja untok kerusi Parlimen. Kesemua calun-calun PSRM ini telah dikalahkan dengan teruk ditangan parti-parti Perikatan dan Parti Islam Se Tanah Melayu(PAS). Didalam Pilihanraya tahun 1964, PSRM telah masuk bertanding lagi tetapi mengalami kekalahan yang tambah teruk juga. Di dalam Pilihanraya Umum tahun 1969, PSRM tidak dapat turut-serta di negeri ini kerana organisasi parti sedang mengalami krisis dan ramai angguta-angguta calun telah ditahan kerana disyaki terlibat dengan tindakan subversif semasa Konfrontasi Indonesia tahun 1963. Didalam tahun 1974, PSRM telah muncul kembali dengan lebeh bertenaga untok memasuki Pilihanraya Nasional 1974 itu. Sambutan ra'ayat dikatakan sangat menggalakkan, dan amat berbedza dengan tahun-tahun sebelumnya. Oleh kerana sambutan-sambutan yang sangat menggalakkan ini, ramai orang meramalkan bahawa PSRM tentu akan mendapat sedikit kejayaan untok memenangi kerusi-kerusi yang dipertandingkan.

Lagi sekali, PSRM telah gagal mendapatkan suara majoriti untok memenangi kerusi-kerusi yang dipertandingkan. Tetapi satu hakikat yang dikira sangat penting ialah, peratusan undi yang telah dicapai oleh calun-calun PSRM adalah sangat baik, jauh lebeh baik dari tahun-tahun sebelumnya. Ini adalah merupakan satu perubahan besar kapada politik PSRM di negeri ini. Daripada keputusan yang diperolehi dalam Pilihanraya tahun 1974, ramal individu meramalkan ini merupakan satu titik permulaan kearah kejayaan PSRM di negeri

University of Malaya

Trengganu. Tidak dapat dinafikan bahawa Pilihanraya Nasional tahun 1974 adalah merupakan pertandingan yang hebat dan amat mencemaskan. Parti-parti yang bertanding, yang merupakan pertandingan 3 sudut antara 3 parti utama, iaitu Barisan Nasional, PSRM dan Bebas. Dari keputusan yang didapati ternyata sekali Barisan Nasional telah mengalami kemerusutan disampin PSRM telah berjaya mendapat hampir 30% daripada jumlah undi yang telah dibuang itu. Manakala disetengah-tengah kawasan pilihanaraya, PSRM telah dapat capai setinggi 45% daripada jumlah undi sah.

Kepemimpinan PSRM

Pemimpin dan kepemimpinan adalah menjadi dasar utama untok menggerakkan satu-satu organisasi atau pertubuhan politik. Tanpa pimpina yang baik dan lancar dari pemimpin-pemimpin yang berkebolehan dan berkemampuan, satu-satu organisasi ini tidak akan dapat mencapai kejayaan-kejayaan yang memuaskan. PSRM juga seperti lain-lain parti mempunyai barisan pemimpin yang berkaliber. Adakah mutu kepemimpinan yang dimiliki itu tidak mencukupi syarat yang diingini ra'ayat atau adakah puca-punca lain yang telah menyebabkan kurangnya pengaruh dikalangan pendudok tempatan? Pada hakikatnya, kepimpinan sesebuah parti itu adalah salah satu punca yang telah menyebabkan kejayaan dan kegagalannya. Bagaimanakah sesebuah parti itu boleh mencapai kejayaannya jika pemimpin-pemimpin yang diserahkan tugas-tugas pentadbiran tidak

University of Malaya

berupaya menjalankannya dengan berkesan. Bagaimana pula orang ramai akan percaya kapada satu-satu parti jikalau pemimpin-pemimpinnya tidak mampu untok menerangkan segala ideal parti dengan efektifnya? Sejauh manakah pemimpin PSRM ini telah menjadikan faktur penentu kapada kegagalan ini? Untok menjawab sedikit sebanyak persoalan-persoalan ini, akan dikemukakan beberapa kenyataan hasil daripada penyelidekan yang dijalankan. Sesaorang pemimpin yang dianggap unggul dan dedikasi ialah yang mempunyai beberapa ciri utama seperti pelajaran dan pendidekan, kedudokannya dalam sosial yang agak tinggi, pengalaman-pengalaman berpolitik, dan mempunyai sifat-sifat peribadi yang jujur, ikhlas serta sabar, disampin mempunyai didekan ugama yang baik dan sempurna.

Pemimpin-pemimpin PSRM di negeri Trengganu boleh dikatakan bersemangat untok memperjuangkan segala dasar-dasar parti. Malangnya kebanyakan daripada pemimpin-pemimpin yang terdapat di negeri ini, mempunyai kualiti kepemimpinan yang sangat terhad untok menjalankan kerja-kerja kepartaian dengan berkesan. Mereka ini kebanyakannya terdiri daripada gulongan sosial yang sangat sederhana kedudokannya. Mereka mempunyai latar-belakang pendidekan dan ilmu pengtahuan yang rendah berbanding dengan kemampuan pemimpin-pemimpin Barisan Nasional. Kumpulan pemimpin PSRM ini adalah terdiri daripada ra'ayat biasa yang tanpa keistemewaan bagi disegi material mahu pun non-material. Kumpulan ini adalah juga terdiri daripada beberapa orang gulongan bawah yang hidupnya sentiasa didalam kesusahan dan kepincangan dan mereka yang terbiar didalam masyarakatnya sendiri. Berdasarkan kapada senarai nama-nama calun-

dan ahli jawatan kuasa kerja PSRM negeri Trengganu yang telah diluluskan oleh Sidang Kongres Negeri, di Kemaman pada bulan Ogos 1975 itu, dapat disimpulkan pengalaman-pengalaman mereka di dalam jadual dibawah ( Lihat juga senarai Ahli-ahli Jawatan kuasa kerja Negeri Trengganu dalam muka surat 41)

Jadual 4: Pengalaman dan pekerjaan ahli-ahli Jawatan kuasa PSRM negeri Trengganu, yang dilulus dalam Sidang Kongres Negeri, Trengganu - Ogos 1975.

| Pengalaman dan pekerjaan | Bilangan | Peratus |
|---|---|---|
| Guru Sekolah | 5 | 25 |
| Peniaga Kecil | 8 | 40 |
| Hartawan & Tuan tanah | - | - |
| Kaki-tangan Kerajaan | 2 | 10 |
| Buroh, petani/dll | 5 | 25 |
| JUMLAH | 20 | 100% |

Ditinjau dari segi kelulusan juga, pemimpin-pemimpin ini mempunyai kelayakan yang rendah. Tidak ada seorang pun pemimpin tempatan PSRM yang mempunyai kelulusan di pusat-pusat pengajian tinggi atau pun memperolehi kelulusan dibidang undang-undang.

Oleh kerana ciri-ciri kepemimpinan yang amat sederhana inilah juga yang telah menyebabkan ra'ayat-ra'ayat negeri ini merasakan ragu-ragu akan kemampuan mereka untok mengendalikan

peraturan-peraturan baharu didalam pelaksanaan pentadbiran. Ra'ayat inginkan perubahan-perubahan, tetapi harus pula diasaskan oleh pimpinan dari pemimpin-pemimpin dan ketua yang berkaliber dan progresif. Maka untok mengatasi mas'alah kepemimpinan ini, PSRM peringkat Nasional telah menyusun satu angkatan yang baharu yang diketuai oleh Pengerusi PSRM Nasional sendiri, iaitu Kassim Ahmad, untok bertanding didalam Pilihanraya Nasional tahun 1974 di negeri Trengganu. Di antara pemimpin-pemimpin yang dimaksudkan ini ialah:-

i) Pengerusi PSRM Nasional - Sdr Kassim Ahmad, bertanding di kawasan Parlimen Kuala Trengganu.

ii) Jawatan kuasa Pusat(dahulunya bertugas sebagai Naib Pengerusi PSRM Nasional - Datok Kampo Radjo yang bertanding di dua kawasan; Parlimen Dungun dan Dewan Negeri Jerangau.

iii) Jawatan Kuasa Pusat, selaku ketua seksi wanita PSRM Nasional - Sdri.Siti Nor Hamid Tuah yang bertanding di kawasan Parlimen Ulu Nerus.

iv) Penolong Setia Usaha I Nasional - Sdr. Satar Haji Dahan yang bertanding di kawasan Parlimen Ulu Trengganu.

Walau pun pemimpin-pemimpin peringkat Pusat telah dibawa bertanding di negeri Trengganu untok mengadakan perubahan dan penyesuaian dari barisan parti pembangkang, namun keputusan yang dicapai maseh belum mencukupi untok memenangi undi terbanyak. Perkara ini mengikut penerangan Setia Usaha PSRM Trengganu, bahawa beberapa kesalahan teknik telah dilakukan dalam penyusunan calun-calun.

University of Malaya

Walau bagaimana pun beliau yakin, kelemahan-kelemahan dan kekurangan pemimpin akan segera dapat diatasi. Beliau sangat kagum melihat sambutan-sambutan ra'ayat terhadap PSRM didalam Pilihanraya tahun 1974 itu, dan ini adalah dikira sebagai satu sejarah baharu didalam perkembangan politik PSRM di negeri ini dan 'amnya di negara Malaysia ini. Untok mengtahui dengan lebeh lanjut tentang calun-calun PSRM yang bertanding didalam Pilihanraya Nasional 1974, dibawah akan disenaraikan nama-nama dan kawasan-kawasan dimana mereka bertanding.

<u>Senarai Calun-calun PSRM yang bertanding di kawasan Dewan Undangan Negeri dan Parlimen Trengganu dalam Pilihanraya 1974.</u>

Dewan Undangan Negeri:

| | | |
|---|---|---|
| 1. Wan Ali Jusoh - | bertanding di | Kuala Besut |
| 2. Tg Nawawi Putra- | " | Bukit Kenak |
| 3. Daud Ab.Kadir - | " | Ulu Besut |
| 4. Awang Ali - | " | Setiu |
| 5. T.Ahmad Husin - | " | Langkap |
| 6. Ab.Hamid Embong- | " | Batu Rakit |
| 7. Hj.Md Napis Mohd- | " | Seberang Takir |
| 8. Salleh Mohd - | " | Telemong |
| 9. Ab.Fatah Jalili- | " | Binjai |
| 10. Hashim Mohd - | " | Tanggol |
| 11. Bakar Ahmad - | " | Kuala Brang |
| 12. Mukhtar H.Ab.Rahim - | " | Jeram |
| 13. Ab.Rahman Muda - | " | Bukit Tunggal |

University of Malaya

| | | |
|---|---|---|
| 14. Ramli Embong - | bertanding di | Manir |
| 15. Baderul Yusof - | " | Bukit Payung |
| 16. Mazlan Embong - | " | Bandar |
| 17. Mohd Ali Omar - | " | Ladang |
| 18. Embong Ngah - | " | Wakaf Mempelan |
| 19. Ismail Awang - | " | Batu Burok |
| 20. Mohd Rahim Abdullah - | " | Marang |
| 21. Hj.Awang Samad - | " | Mercang |
| 22. Yusof Embong - | " | Sura |
| 23. Datok Kampo Radjo- | " | Jerangau |
| 24. Sheikh Ahmad Ali - | " | Paka |
| 25. Ibrahim Jusoh - | " | Kemasik |
| 26. Syed Shafi T.Baru- | " | Bukit Bandi |
| 27. Mohamad A.Rahman - | " | Cukai |

<u>Kawasan Parlimen</u>

| | | |
|---|---|---|
| 1. Siti Nor Hamid Tuah - | " | Ulu Nerus |
| 2. Satar Hj.Dahan - | " | Ulu Trengganu |
| 3. Mukhtar H.A.Rahim- | " | Kuala Nerus |
| 4. Kassim Ahmad - | " | Kuala Trengganu |
| 5. Dato Kampo Radjo - | " | Dungun |
| 6. Syed Shafi T.Baru- | " | Kemaman |

University of Malaya

Keputusan-keputusan Pilihanraya yang dicapai oleh PSRM dari tahun-tahun 1959 hingga 1974

PSRM mula menyertai pilihanraya Umum Negeri Trengganu pada tahun 1959. Di dalam Pilihanaraya ini, PSRM telah meletakkan 17 angguta-angguta calunnya untok bertanding di peringkat Dewan Undangan Negeri dan hanya seorang sahaja untok kawasan Parlimen. Kawasan-kawasan Dewan Undangan Negeri yang disertai oleh PSRM ini ialah:-

| Kawasan Pilihanaraya | Undi PSRM | Undi Sah |
|---|---|---|
| 1. Kuala Besut | 1,058 | 1,303 (PAS) |
| 2. Kampung Raja | 379 | 1,070 (PAS) |
| 3. Ulu Besut | 702 | 1,528 (PAS) |
| 4. Besut Tengah | - | 1,994 (PAS) |
| 5. Setiu | 376* | 1,964 (PAS) |
| 6. Batu Rakit | 334* | 2,267 (Perikatan) |
| 7. Kuala Nerus | - | 1,954 (Perikatan) |
| 8. Jeram | - | 1,776 (PAS) |
| 9. Langkap | - | 774 (Perikatan) |
| 10. Bandar | - | 1,628 (Perikatan) |
| 11. Ladang | 178* | 944 (PAS) |
| 12. Bukit Besar | 155* | 1,151 (Perikatan) |
| 13. Batu Buruk | 101* | 948 (Perikatan) |
| 14. K.Trengganu Tengah | - | 1,607 (PAS) |
| 15. Binjai | 299* | 1,874 (PAS) |
| 16. Ulu Trengganu Timur | 512 | 1,522 (PAS) |
| 17. Ulu Trengganu Barat | 812 | 1,367 (PAS) |

University of Malaya

| | | |
|---|---|---|
| 18. Marang | 95* | 2,421 (PAS) |
| 19. Sura | 299* | 1,423 (PAS) |
| 20. Ulu Dungun | 276* | 1,319 (PAS) |
| 21. Paka/Kerteh | - | 1,383 (Perikatan) |
| 22. Kemaman Utara | 136* | 1,488 (Perikatan) |
| 23. Cukai | 474 | 1,521 (Perikatan) |
| 24. Kemaman Selatan | 288* | 1,606 (Perikatan) |
| PERATUS UNDI | 8.1% (PSRM) | |
| | 36.9% (PAS) | |
| | 35.2% (Perikatan) | |
| | 16.3% (Negara) | |
| | 3.5% (Bebas) | |

* Hilang wang pertaruhan.
Sumber: Surohanjaya Pilihanraya, Penyata Pilihanraya Dewan Undangan Negeri & Parlimen, 1959.

Didalam keputusan untok kawasan Parlimen pula PSRM hanya meletakkan seorang sahaja calunnya di kawasan Parlimen Dungun dan mendapat jumlah undi 595 sahaja, dan hilang wang pertaruhannya, berbanding dengan calun yang berjaya iaitu PAS mendapat 6,249. Peratus undi yang didapati oleh PSRM ini ialah 0.37% sahaja.

Didalam Pilihanraya Umum tahun 1964, PSRM hanya mampu menamakan 11 calun sahaja untok Dewan Undangan Negeri dan 3 calun untok peringkat Parlimen. Jumlah undi yang diperolehi bagi seluroh negeri Trengganu di peringkat negeri ini hanya sebanyak 3,965 undi iaitu dengan peratusnya 3.7%; manakala di peringkat Parlimen pula berjumlah 4,919 undi dan peratusnya ialah 4.6% sahaja.

University of Malaya

Jadual 5: Jumlah undi yang didapati oleh PSRM di kawasan Dewan Undangan Negeri Trengganu, dalam Pilihanaraya -1964*

| Kawasan Pilihanraya | Undi PSRM | Jumlah undi sah |
|---|---|---|
| 1. Kuala Besut | 645 | 1,988(Perikatan) |
| 2. Kampung Raja | 162+ | 1,662(Perikatan) |
| 3. Ulu Besut | 343+ | 2,205(PAS) |
| 4. Marang | 155+ | 2,930(Perikatan) |
| 5. Sura | 270+ | 1,853(Perikatan) |
| 6. Kemaman Utara | 346+ | 2,215(Perikatan) |
| 7. Cukai | 878 | 2,084(Perikatan) |
| 8. Kuala Trengganu Tengah | 109+ | 2,401(Perikatan) |
| 9. Binjai | 154+ | 3,111(Perikatan) |
| 10. Ulu Trengganu Timur | 590 | 2,443(Perikatan) |
| 11. Ulu Trengganu Barat | 313+ | 2,752(Perikatan) |

Peratus undi PSRM - 3.7%

Peratus undi Perikatan - 55.2%

Peratus undi PAS - 32.7%

Peratus undi Parti Negara - 7.5% dan

Bebas - 0.8%.

+ hilang wang pertaruhan.

* sumber: Suruhanjaya Pilihanraya, Penyata Pilihanraya Dewan Undangan Negeri & Parlimen tahun 1964.

Diperingkat Parlimen pula PSRM cuma bertanding di tiga kawasan, iaitu:- Di kawasan-kawasan Pilihanaraya Dungun, Kemaman dan Trengganu Tengah. Mendapat peratus undi, 4.6% sahaja.

Didalam Pilihanraya tahun 1969, PSRM tidak dapat mencalunkan seorang angguta pun, baik di peringkat negeri atau pun Parlimen negeri Trengganu. Seperti yang telah diterangkan dalam pengenalan 'am bab ini, PSRM tidak dapat menyertainya kerana ramai angguta calunnya yang telah ditahan diperingkat Pusat, kerana disyaki terlibat dengan kegiatan subversif semasa Konfrontasi Indonesia keatas Malaysia pada tahun 1963, iaitu selepas tertubuhnya negara baru, Malaysia. Oleh kerana krisis-krisis didalam organisasi parti dan kekurangan angguta-angguta calun, maka PSRM telah menarik diri daripada masuk bertanding.

Didalam Pilihanraya Nasional tahun 1974, PSRM telah dapat dipulihkan. PSRM telah mencalunkan barisan calun-calun yang kuat di negeri Trengganu ini untok dipertandingkan. Tahun 1974 ini dianggap sebagai tahun yang bersejarah, kerana pada tahun inilah pertamakalinya PSRM dapat meletakkan calun-calun untok semua kawasan, kecuali dikawasan Dewan Undangan Negeri Kampong Raja dan Parlimen Besut yang menang tanpa tanding oleh calun Barisan Nasional. PSRM telah meletakkan 27 calun daripada 28 kerusi yang dipertandingkan di peringkat Dewan Undangan Negeri dan 6 calun daripada 7 kerusi Parlimen. Lihat jadual keputusan-keputusan undi PSRM dikedua-dua peringkat pilihanraya, berikutnya.

Jadual 6: Jumlah undi yang didapati oleh PSRM di kawasan Dewan Undangan Negeri dan Parlimen Trengganu dalam Pilihanraya Nasional 1974.

| Kawasan Pilihanraya | Undi PSRM | jumlah undi sah |
|---|---|---|
| 1. Kuala Besut | 1,529 | 3,907 (Barisan) |

| | | |
|---|---|---|
| 2. Kampong Raja | - | Barisan menang tanpa bertanding. |
| 3. Bukit Kenak | 1,011 | 3,840 (Barisan) |
| 4. Ulu Besut | 994 | 3,768 ( " )) |
| 5. Setiu | 1,188 | 2,747 ( " ) |
| 6. Langkap | 1,635 | 2,671 ( " ) |
| 7. Batu Rakit | 1,559 | 2,431 ( " ) |
| 8. Seberang Takir | 1,902 | 2,465 ( " ) |
| 9. Telemong | 1,039 | 2,314 ( " ) |
| 10. Binjai | 838 | 3,624 ( " ) |
| 11. Tanggol | 1,335 | 2,869 ( " ) |
| 12. Kuala Brang | 1,463 | 1,600 ( " ) |
| 13. Jeram | 1,137 | 2,120 ( " ) |
| 14. Bukit-Tunggal | 1,353 | 2,998 ( " ) |
| 15. Manir | 2,172 | 2,837 ( " ) |
| 16. Bukit Payung | 1,130 | 3,039 ( " ) |
| 17. Bandar | 3,154 | 3,782 ( " ) |
| 18. Ladang | 1,404 | 3,769 ( " ) |
| 19. Wakaf Mempelam | 1,917 | 2,355 ( " ) |
| 20. Batu Burok | 1,023 | 1,706 (Bebas ) |
| 21. Marang | 292 | 3,102 (Barisan) |
| 22. Merchang | 1,259 | 2,907 ( " ) |
| 23. Sura | 1,680 | 2,988( " ) |
| 24. Jerangau | 336 | 1,744 ( " ) |
| 25. Paka | 1,478 | 3,184 ( " ) |
| 26. Kemasik | 1,002 | 3,313 ( " ) |
| 27. Bukit Bandi | 987 | 2,734 ( " ) |
| 28. Chukai | 1,858 | 3,429 ( " ) |

University of Malaya

Keputusan-keputusan di peringkat Parlimen Trengganu:

| Kawasan pilihanraya | Undi PSRM | Jumlah undi sah |
|---|---|---|
| 1. Besut | | Barisan Nasional menang tidak bertanding |
| 2. Ulu Nerus | 6,316 | 10,739 (Barisan) |
| 3. Ulu Trengganu | 4,713 | 11,070 ( " ) |
| 4. Kuala Nerus | 4,416 | 10,894 ( " ) |
| 5. Kuala Trengganu | 7,968 | 12,296 ( " ) |
| 6. Dungun | 4,814 | 11,815 ( " ) |
| 7. Kemaman | 5,189 | 12,418 ( " ) |

* Sumber: keputusan-keputusan ini dipetek dari akhbar Utusan Malaysia, 26hb Ogos 1974.

Kesemua calun-calun PSRM yang masuk bertanding didalam Pilihanraya Nasional 1974 itu telah gagal untok mendapatkan undi majoriti, tetapi peratusan undinya adalah bertambah dengan banyaknya, berbanding dengan keputusan-keputusan sebelumnya. Barisan Nasional telah berjaya lagi mengatasi parti-parti pembangkang untok melayakkan mereka memerintah lagi di negeri Trengganu. Peratus yang dicapai oleh Barisan Nasional ialah 77.6% bagi kawasan Parlimen dan 75.1% bagi kawasan Dewan Undangan Negeri. Sungguh pun Barisan telah berjaya mendapat suara majoriti, tetapi jelas keputusan itu telah semakin merusut terutamanya didalam keadaannya yang bergabung dengan PAS. Kenyataan yang didapati ialah, bahawa parti pembangkang PSRM dan Bebas telah semakin bertambah sokongannya. PSRM dengan calun Bebas telah mendapat peratusan yang amat baik berbanding dengan kedudokannya dimasa-masa yang lampau. PSRM telah menunjukkan satu kepesatan perkembangan jika ditinjau kapada

University of Malaya

kemunculanya yang maseh didalam usia yang agak muda. Walau pun PSRM telah kalah, tetapi ternyata sekali di beberapa kawasan persaingannya dengan parti kerajaan adalah sangat mencemaskan, terutamanya yang terdapat di kawasan Dewan Undangan Negeri dimana PSRM mendapat 3,154 undi berbanding dengan calun Barisan yang mendapat sebanyak 3,782 undi sahaja. Banyak ramalan-ramalan telah dibuat iaitu kalaulah Perikatan tidak bergabung dengan PAS, maka jumlah pengundi-pengundi akan lebeh perpecah-pecah lagi dan besar kemungkinannya Perikatan akan mengalami kekalahan atau sekurang-kurangnya bertambah kurang kerusi-kerusi yang dimenanginya. Disamping itu pula berkemungkinan PSRM akan mendapat kejayaan yang lebeh baik daripada yang berlaku itu. Walau bagaimana pun PSRM telah mendpat lebeh ramai penyokong. [Peratus undi yang didapati ialah lebeh kurang 25% untok Dewan Undangan Negeri manakala 20% untok kawasan Parlimen. Inilah hakikatnya bahawa PSRM telah menempuh satu sejarah baharu dalam penyertaannya dalam pilihanraya-pilihanraya negeri ini. Berkemungkinan sekali, di dalam pilihanraya akan datang ini PSRM akan mendapat kejayaan-kejayaan yang lebeh baik, memandangkan kapada kemajuannya yang sepesat itu. Pengalaman-pengalaman yang telah ditempuh didalam Pilihanraya 1974 ini akan dapat memperbaiki lagi segala kelemahan-kelemahan apabila menjelangnya pilihanraya akan datang ini.

Untok memudahkan lagi membuat tinjauan tentang jatuh-bangun PSRM di negeri Trengganu, berbanding dengan parti-parti lain, di muka surat sebelah di jadualkan keputusan-keputusannya mengikut tahun-tahun 1959 hingga 1969.

Jadual 7 : Keputusan-keputusan undi parti-parti di negeri Trengganu, di peringkat* Pilihanraya Dewan Undangan Negeri.

| PARTI | KERUSI MENANG | | | KERUSI DITANDING | | | % UNDI DIDAPATI | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | 1959 | 1964 | 1969 | 1959 | 1964 | 1969 | 1959 | 1969 | 1969 |
| Perikatan | 7 | 21 | 9 | 24 | 24 | 20 | 35.2 | 55.3 | 48.4 |
| P.A.S. | 13 | 3 | 11 | 24 | 23 | 20 | 36.9 | 32.8 | 51.4 |
| Bebas | - | - | - | 6 | 2 | 1 | 3.54 | 0.78 | 0.14 |
| Fron Sosialis | - | - | - | 17 | 11 | - | 8.11 | 3.54 | - |
| Parti Negara | 4 | - | - | 20 | 17 | - | 16.3 | 7.55 | - |
| Jumlah | 24 | 24 | 20 | 91 | 77 | 41 | 100% | 100% | 100% |

* Sumber: R.K.Vasil, The Malaysian General Election of 1969 ( Oxford University Press, Singapore - Kuala Lumpur 1972 )m.s. 84.

University of Malaya

Peta V




Sumber: Suruhanjaya Pilihanraya Umum tahun 1958.
(Government Copyright Reserved)

# BAB IV

## PENYERTAAN DAN SIKAP RA'YAT TEMPATAN DI KAWASAN PILIHANRAYA KUALA TRENGGANU SELATAN TERHADAP PSRM

### Pengenalan 'am

Bab ini merupakan satu kajian kes (case-study) yang dijalankan di kawasan pilihanraya Kuala Trengganu Selatan. Kajian yang berbentok sosio-politik ini dilakukan untok melihat dari dekat sejauh manakah ra'yat dikawasan pilihanraya ini menerima PSRM atau pun sebaliknya.

Perkara penting yang akan diutarakan selanjutnya ialah tentang penyertaan dan penglibatan ra'ayat didalam parti pembangkang ini. Tinjauan yang intensif telah dijalankan sewaktu menjelangnya Pilihanraya Nasional tahun 1974 yang berlangsung pada 24hb Oktober 1974 itu. Didalam saat-saatnya terakhir menjelangnya pilihanraya yang dianggap bersejarah bagi PSRM, sambutan ra'yat terhadap parti ini adalah sangat menggalakkan. Usaha-usaha yang giat telah dilakukan oleh angguta-angguta calun dan kader-kadernya untok menerangkan dengan lebeh terbuka dasar-dasar utama dalam perjuangan mereka. Didalam siri-siri kempen dan ceramah-ceramah yang diadakah sepanjang hari-hari terakhir menjelangnya pilihanraya itu, sambutannya sentiasa hangat dan amat mencemaskan pehak parti-parti lawan. Bab ini akan memaparkan beberapa gulongan ra'yat yang menyertai politik parti ini dengan aktif dan pasif. Penyertaan ra'yat

di kawasan ini juga telah memperlehatkan berbagai-bagai perubahan telah dilaksanakan oleh pehak pemerintah untok mententeramkan ketegangan ini. Penglibatan ra'yat yang aktif dan pasif ini akan dapat menggambarkan kapada kita sejauh mana pula kesedaran dan rasionaliti ra'yat terhadap politik dan terhadap parti-parti yang bertanding. Kesedaran ini adalah berpunca daripada, 'byproduct' perkembangan yang meluas dibidang-bidang pendidekan, komunikasi dan pertukaran-pertukaran idea dikalangan masyarakat setempat, dengan masyarakat luar. P.Hungtintong, dalam penulisannya pernah menegaskan bahawa penyertaan politik itu adalah salah satu fenomena yang dapat membedzakan kehidupan politik tradisional dengan kehidupan moden. Ini terbukti dalam konteks masyarakat yang menganuti dasar dan ideoloji demokrasi dimana pada dasarnya memberi peluang kapada setiap angguta masyarakat terlibat dan menentukan bersama kehidupan politik masyarakatnya.

Sebagai memulakan bab ini, penulis akan menerangkan dengan ringkasnya tentang latar-belakang kawasan yang dijadikan fokas kajian kes ini agar dapat memberikan gambaran yang lebeh jelas tentang kedudokan dan hubongan-hubongan sosial diantara angguta-angguta masyarakat dan hubungannya dengan faktur-faktur ilmu alam dan ekonominya.

Latar belakang Kawasan Pilihanraya
Kuala Trengganu Selatan

Kuala Trengganu Selatan adalah satu unit kawasan yang telah ditetapkan berdasarkan Suruhanjaya Pilihanraya tahun 1958. Kawasan ini bukanlah satu daerah pentadbiran dalam negeri ini. Letaknya ialah didalam daerah Kuala Trengganu (lihat peta V). Kawasan Pilihanraya ini mengandungi gabungan-gabungan 4 unit kecil iaitu: Kawasan Bandar, Ladang, Bukit Besar dan Batu Burok. Mengikut pindaan tahun 1973 dan berkuat-kuasa mulai tahun 1974, unit-unit gabungan ini telah diubahkan kandungannya dengan memansyuhkan kawasan Bukit Besar dan sebagai gantinya dimasukan kawasan Wakaf Mempelan. Didalam kajian ini penulis akan menggunakan penetapan yang lama untok ditujukan kapada kandungan kawasan pilihanraya Kuala Trengganu Selatan ini.

Pendudok-pendudok

Mengikut banci tahun 1970, jumlah pendudok di kawasan kajian ini ialah seramai 53,326 orang. Oleh kerana kawasan ini terletak hampir dengan pusat bandar, Kuala Trengganu, maka sebahagian besar daripada pendudok-pendudoknya adalah terdiri daripada kaki-tangan kerajaan yang tidak dapat dianggap bermaustatin di negeri ini 'amnya dan khasnya di kawasan kajian ini. Dengan sebab itu bancian ini tidaklah merangkumi gulongan-gulongan mendatang ini. Kawasan ini didiami oleh 3 suku-bangsa utama juga iaitu kaum Melayu, China dan India disamping sedikit-sedikit

University of Malaya

bangsa-bangsa lain. Orang Melayu adalah kumpulan ethnik yang teramai sekali dan boleh dikatakan kumpulan yang telah lama bermaustatin di sini. Berdasarkan perangkaan tahun 1970, dibawah ini disenaraikan jumlah pendudok mengikut kaum-kaum.

Jadual 8: Jumlah Pendudok-pendudok di Kuala Trengganu Selatan, berdasarkan pembahagian kaum - banci tahun 1970.*

| Kawasan | Melayu | China | India | Lain-lain | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|
| Bandar(termasuk Ladang. | 19,206 | 8,187 | 972 | 127 | 28,447 |
| Bukit Besar | 18,160 | 547 | 25 | 1 | 18,733 |
| Batu Burok | 6,166 | 28 | 2 | - | 6,146 |
| Jumlah | 43,482 | 8,762 | 954 | 128 | 53,326 |

* Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, Banci Pendudok tahun 1970. ( Jabatan Perangkaan Malaysia, Kuala Lumpur 1970)

Pendudok-pendudok di kawasan ini terlibat didalam berbagai-bagai kegiatan ekonomi. Orang-orang Melayu yang merupakan pendudok yang majoriti, adalah terlibat didalam pelbagai kegiatan. Ramai diantara mereka yang bekerja sebagai petani-petani, nelayan-nelayan, buroh-buroh kasar, tukang-tukang kemahiran tangan, berniaga secara kecil-kecilan , berjawatan dipejabat pejabat kerajaan dan menjadi pentadbir-pentadbir dan wakil-wakil

University of Malaya

ra'yat hinggalah kapada Menteri Besar dan kerabat-kerabat Di Raja. Hitung panjang gulongan orang-orang Melayu ini adalah mempunyai taraf ekonomi yang sederhana dan di banyak bahagian adalah sangat rendah, berbanding dengan orang-orang China. Orang-orang Melayu juga dikira sebagai kumpulan yang maseh sangat sederhana mendapat ilmu pelajaran yang tinggi. Justeru itulah juga ramai yang berpendapatan rendah seperti petani-petani dan nelayan-nelayan itu.

Orang-orang China pula kebanyakannya tinggal di bandar dan pekan-pekan penting dimana mereka dapat menjalankan perniagaan. Ramai juga kaum China yang bekerja dengan Kerajaan sama ada menjadi pegawai-pegawai, kerani-kerani dan guru-guru sekolah. Kaum-kaum India juga, boleh dikatakan keseluruhannya terlibat dengan kegiatan-kegiatan perniagaan dan sangat sedikit yang menjadi pegawai di pejabat-pejabat kerajaan. Mereka juga melakukan kerja-kerja buroh kasar di setengah-tengah pejabat kerajaan dan Badan-badan berkanun.

Pengundi-pengundi

Berdasarkan banci yang telah dijalankan oleh pehak Suruhanjaya Pilihanraya tahun 1964, jumlah pengundi-pengundi dikawasan ini ialah seramai 145,212 orang, Didalam daftar pengundi dalam tahun 1969, jumlahnya bertambah menjadi 176,366 orang. Di muka surat 66, dijadualkan bilangan pengundi-pengundi mengikut bancian tahun-tahun 1959, 1964 dan 1969.

Jadual 19: Jumlah pengundi-pengundi di Kuala Trengganu Selatan mengikut banci tahun-tahun 1959, 1964 dan 1969.*

| Kawasan | 1959 | 1964 | 1969 |
|---|---|---|---|
| Bandar | 4,504 | 5,694 | 6,510 |
| Ladang | 5,181 | 5,971 | 7,436 |
| Bukit Besar | 4,795 | 9,660 | 6,810 |
| Batu Burok | 4,726 | 6,804 | 8,710 |
| Jumlah | 19,264 | 24,129 | 29,457 |

* Sumber: Suruhanjaya Pilihanraya, Penyata Pilihanraya Umum Dewan Undangan Negeri dan Parlimen, tahun-tahun 1959, 1964 dan 1969.

Berhubung dengan komposisi kaum pula, akan dijadualkan peratusan pengundi-pengundi mengikut kaum-kaum yang terdapat di kawasan Kuala Trengganu Selatan ini. ( lihat jadual 11 di muka surat sebelah )

University of Malaya

Jadual 10: Peratusan Pengundi-pengundi mengikut Komposisi kaum di Kuala Trengganu Selatan bagi tahun 1959, 1964, 1969 *

| Kaum | Peratus pengundi-pengundi | | |
|---|---|---|---|
| | 1959 | 1964 | 1969 |
| Melayu | 98.40 | 88.10 | 85.10 |
| China | 1.50 | 11.20 | 11.20 |
| India | 0.10 | 0.70 | 0.70 |
| Jumlah | 100% | 100% | 100% |

* Sumber: R,K.Vasil, The Malaysian General Election of 1969 ( Oxford University Press, Singapore-K.Lumpur 1973) m.s.102,106.

Berdasar lapuran paling akhir yang dimuatkan didalam akhbar Utusan Malaysia 26hb Ogos 1974, bilangan pengundi-pengundi yang terdaftar telah meningkat. Lihat jadual di bawah.

Jadual 11: Jumlah Pengundi-pengundi di kawasan Pilihanraya Kuala Trengganu Selatan Berdasar daftar Pilihanraya - 1974

| Unit Pilihanraya | Bil.Pengundi |
|---|---|
| Bandar | 10,412 |
| Ladang | 8,043 |
| Wakaf Mempelam | 6,542 |
| Batu Burok | 7,528 |
| Jumlah | 32,625 |

* Sumber: Akhbar Utusan Malaysia,26hb Ogos 1974.

Penyertaan ra'yat dalam politik PSRM

Penyertaan ra'yat kedalam politik PSRM di kawasan kajian ini adalah merupakan satu 'turning point' dan satu perubahan pemikiran dan kematangan ra'yat. Didalam proses sosial kejadian yang seumpama ini adalah merupakan fenomena-fenomena yang wajar berlaku, kerana berubahnya keperluan dan keinginan angguta-angguta sosial itu sendiri. Beberapa praktis yang telah disarankan oleh PSRM, telah ternyata mempengaruhi sedikit demi sedikit dalam pemikiran ra'yat. Setengah-tengah angguta masyarakat ini ada yang sudah begitu maju dengan mempraktikkan segala idea-idea yang difikirkan sesuai kapada mereka. Pehak kerajaan sendiri pun dengan secara yang tidak disedari telah pun banyak mengubah-suaikan segala ideal yang terkandung didalam prinsip-prinsip PSRM yang berbetulan pula dihasratkan oleh pehak pemerintah sendiri. Usaha-usaha untok mengubahkan taraf hidup ra'yat kapada yang lebeh tinggi terutamanya dari gulongan-gulongan miskin dan juga langkah-langkah kerajaan untok memperdekatkan jurang perbedzaan antara gulongan kaya dengan miskin, telah dijalankan terus-menerus dan menyeluruh. Ini semua adalah merupakan langkah langkah menuju kapada Sosialisma.

Berdasarkan kapada pencapaian PSRM didalam pilihanraya-pilihanraya umum yang telah dijalankan sejak tahun 1959 lagi itu, sudah kelihatan beberapa perubahan telah berlaku dinegara ini, khasnya dikawasan kajian ini. Kalau dahulunya PSRM telah kalah dengan teruknya sehingga wang pertaruhannya telah hilang, tetapi sejak akhir-akhir ini kekalahannya adalah tidak seburuk yang per-

nah dialaminya dahulu. Didalam Pilihanraya Nasional 1974, misalnya PSRM telah membuktikan bahawa partinya mampu menandingi parti parti lain dari barisan pembangkang dengan mendapat undi-undi yang mencemaskan. Ada pehak yang meramalkan iaitu kemungkinan PSRM akan dapat membuktikan keupayaannya sebagai sebuah parti pembangkang, apabila ia mendapat sokongan yang bertambah banyak, menjelang pilihanraya akan datang ini. Keadaan ini juga telah membuktikan kapada kita bahawa turut-serta ra'yat kedalam politik parti pembangkang ini telah bertambah dan kian berkembang. Penyertaan yang dimaksudkan ini, seperti yang pernah diutarakan oleh Michael Rush dan Phillip Altoff ; sebagai turut-serta ra'yat kedalam aktiviti-aktiviti dan pergerakan politik didalam berbagai-bagai peringkat sistem politik itu sendiri.[12)]

Penglibatan ra'yat di kawasan ini sudah kelihatan lebeh rasional dan lebeh praktis, kerana mereka tidak lagi mengundi secara membabi-buta dan menjadi 'pak turut' sahaja, tetapi sekarang sudah mampu menimbangkan faedah-faedahnya. Ra'yat kini tidak lagi terikut-ikut dengan pujukan-pujukan dan janji-janji kosong dari wakil-wakil calun atau sekutu-sekutunya dan kader-kadernya. Kalau dahulu wakil-wakil ra'yat yang dilantik menjadi kaya raya tidak diketahui puncanya,maka sekarang ini ra'yat sudah awas akan aktiviti-aktiviti mereka yang lebeh tertumpu untok meninggikan taraf hidup mereka sendiri sebelum memperjuangkan untok orang lain. Walau bagaimana pun ra'yat negeri ini maseh terlalu mudah untok

---

(12) Micheal Rush dan Phillip Altoff, An Introduction to Political Sociology ( Bristol, Nelson's University,papaerbacks 1971 ) m.s. 14.

dikawal, dengan syarat mereka haruslah dilayani dengan memuaskan tanpa eksploitasi dan penyelewengan-penyelewengan. Dalam apa bentok parti pun, ra'yat mahu dan inginkan kapada perubahan-perubahan yang lebeh membina dan berguna kapada kehidupan mereka, Ra'yat ingin melihat sesuatu yang lebeh objektif daripada usaha-usaha yang dilakukan oleh para-para pemimpin itu. Atas kesedaran dan keinginan inilahm maka munculnya gulongan-gulongan penyokong yang aktif atau sebaliknya yang bersifat pasif jika keadaan-keadaan yang diujudkan tidak memuaskan mereka. Ada juga gulongan yang kedua iaitu yang pasif, menyertai parti ini tanpa mengetahui dengan menyeluruh akan prinsip-prinsip perjuangannya. Dengan memahami pendirian dan penglibatan ra'yat, dapat pula sekurang-kurangnya dijadikan bahan untok membaiki segala kelemahan-kelemahan wakil-wakil pemimpin yang telah diserahkan mandatnya kapada mereka didalam pembuangan undi dalam pilihanrayappilihanraya.

Gulongan yang aktif dalam PSRM

Gulongan-gulongan aktif yang dimaksudkan didalam konteks ini ialah angguta-angguta yang menjadi ahli-ahli jawatan kuasa dan gulongan-gulongan yang memberikan sumbangan secara langsung sama ada materialnya atau moral, bagi meninggikan taraf dan kedudokan parti serta kepentingan-kepentingannya untok memperbaiki angguta-angguta masyarakat yang terbiar.

Berdasarkan kapada penyelidekan dan kajian-kajian yang telah dijalankan di kawasan kajian ini,didapati bilangan angguta-angguta yang aktif adalah terlalu kecil bilangannya. Menurut bilangan responden-responden yang dikaji, terdapat lebeh kurang 10% sahaja daripada mereka yang boleh dianggap aktif didalam politik PSRM ini. Daripada 100 orang redponden yang ditemui, didapati hanya 9 orang sahaja yang menunjukan keaktifan mereka. Gulongan-gulongan yang dikatakan aktif ini, secara secara kebetulannya terdiri daripada individu-individu yang tidak banyak mendapat kedudokan yang istemewa didalam stratifikasi sosial. Mereka kebanyakannya terdiri gulongan masyarakat yangbekerja sendiri dengan pendapatan-pendapatan yangdsangat terhad. Mereka adalah gulongan yang tidak puas hati dengan sistem pentadbiran sekarang yang dikira hasil daripada pemimpin-pemimpin yang tidak berkaliber dan berdedikasi. Gulongan ini juga adalah secara kebtulan , tidak mempunyai latarbelakang pendidekan yang tinggi walau pun dikalangan mereka berpengalaman luas didalam pergerakan-pergerakan politik. Gulongan-gulongan petani, buroh dan nelayan-nelayan juga ramai yang didapati aktif didalam parti ini. Keaktifan ini adalah dengan tujuan untok mengubah dan mencari pembaharuan didalam kehidupan mereka dan nasib angguta-angguta keluarga mereka. Mereka ingin mengalih rasa semoga kesusahan dan kepincangan yang dialami itu akan dapat diperbaiki. Sebenarnya, gulongan bawahan yang kurang didekan moden ini tidak begitu faham dengan sebenarnya inti perjuangan PSRM, baik dan buroknya, tetapi mereka jadi sangat bersemangat apabila digembar-gembulkan dengan kepincangan-kepincangan

dan penyelewengan-penyelewengan yang telah berlaku didalam sistem pentadbiran ketika itu. Dengan sebab itu mereka menjadi begitu bersemangat dan bermati-matian berusaha untok mempengaruhi anak-buah mereka. Mereka jadi begitu agresif jika ada pehak yang menentang rancangan-rancangan mereka. Mereka akan sanggup bermusoh-musohan atau bermasam-masam muka atas alasan angguta-angguta mereka itu tidak sehaluan dengan mereka. Keadaan ini dapat diangap sebagai satu dilema politik dikawasan ini, yang kebanyakannya adalah berpunca daripada kurangnya sosialisasi politik yang betul dan kurangnya ilmu pengtahuan moden yang lebeh praktikal. Keadaan seumpama ini tidaklah terlalu berat berlaku dikawasan Bandar dan kawasan-kawasan sekitar perbandaran dimana ramai daripada angguta-anggutanya mempunyai pendidekan yang moden. Mereka yang tinggal di kampung-kampung terpencil atau di luar-bandar, adalah gulongan yang mudah dipengaruhi oleh anasir-anasir yang kurang sehat. Keaktifan pendudok-pendudok dikawasan bandar, tidaklah menjadi kesulitan, kerana pemikiran-pemikiran mereka yang lebeh matang dan lebeh rasional itu. Mereka akan membincangkan sesuatu yang di fikir menasabah dan lojik di ketengahkan. Mereka dapat membedzakan diantara penyelewengan dengan kebenaran dan kejujuran. Justeru itu, ramai pendudok-pendudok dikawasan kajian ini mengambil bahagian yang aktif dengan tujuan yang lebeh rasional dan lebeh praktikal.

Merujuk kapada senarai angguta-angguta calun yang menjadi ahli-ahli jawatan kuasa kerja Negeri Trengganu, terdapat 4 orang tokoh yang terlibat didalam senarai angguta-angguta yang

aktif didalam PSRM bagi kawasan kajian ini. Ke empat-empat dari pada mereka ini adalah mempunyai latar-belakang pendidekan dan ekonomi yang sederhana sekali. Oleh itu mereka amat bersemangat untok menjadikan parti ini berpengaruh dan berkuasa sebagai parti pembangkang yang kuat, agar nasib gulongan-gulongan bawahan yang miskin dan terbiar akan segara diatasi dan diperbaiki.

Gulongan-gulongan yang aktif ini kebanyakannya terdiri dari pada gulongan pemuda-pemuda yang tidak melebehi umornya 50 tahun. Darah yang maseh panas dan semangat yang berkobar-kobar itu sentiasa meluap-meluap apabila sahaja ternampak satu-satu penyelewengan dan ketidak-adilan, berlaku didalamm pimpinan parti yang berkuasa. Pemuda-pemuda yang maseh muda usianya dan belum berkeluarga, adalah gulongan yang dianggap paling agresif dan bersemangat. Mereka sangat mudah diresapi oleh issue-issue yang bercorak revolusioner dan menentang dasar-dasar yang difikirkan tidak sesuai. Gulongan pemuda yang berjiwa progresif dan nasionalis ini adalah dijadikan sebagai angguta-angguta barisan hadapan sesuatu rapat dan kempen-kempen.

Keseluruhan angguta-angguta yang aktif ini adalah terdiri daripada pemuda-pemuda Melayu yang mempunyai taraf ekonomi dan latar belakang pendidekan yang sederhana. Kelihatan, perjuangan mereka ini lebeh condong kapada perkauman walau pun dasarnya parti ini sebenarnya adalah untok semua suku bangsa yang mendiami negara ini. Kaum yang lebeh banyak diberi perhatian ialah kaum Melayu yang secara kebetulannya terdiri daripada kumpulan yang

miskin harta-benda dan pelajaran. Seolah-olah PSRM adalah parti orang Melayu yang bertaraf seperti UMNO itu. Justeru itu kita dapati sangat sedikit kaum-kaum bukan Melayu menyertai parti ini secara yang aktif seperti yang berlaku kapada kaum Melayu itu.]

Untok melihat dengan dekat peranan angguta-angguta yang aktif ini, maka dibawah ini dicatetkan latar belakang 3 orang calun yang bertanding di kawasan Kuala Trengganu Selatan.

i) Mazlan bin Embong: Umor kira-kira 30 tahun, telah beristeri dan mendapat 3 orang cahaya mata. Beliau bertanding dikawasan Bandar, menentang calun-Barisan Nasional iaitu Toh Seng Chong. Pendidekan, sekolah Melayu dan Inggeris di Kuala Trengganu dan lulus pepereksaan SPM. Beliau kemudiannya mengikuti latehan perguruan harian dan setelah tamat, menjadi guru disebuah sekolah Jenis Kebangsaan di bandar ini. Pengalaman beliau ialah aktif di dalam bidang kesenian dan pernah menjadi guru-tari disekolah-sekolah di daerah ini. Ramai mempunyai kenalan dari gulongan pemuda-pemuda dan juga orang-orang tua kerana sifatnya yang peramah. Beliau bergiat didalam politik ini hanya pada dua-tiga tahun kebelakangan ini sahaja. Pengalaman berpolitik boleh dianggap ter lalu awal baginya.

ii) Mohamad Ali bin Omar: Usianya kira-kira 42 tahun, beristeri dan mendapat 6 orang anak. Bertanding dikawasan Ladang, menentang calun Barisan Nasional, Abu Bakar Daud. Pendidekannya setakat sekolah rendah Melayu sahaja. Pengalaman ialah bekerja

sebagai buroh, peniaga kecil dan ketika bergiat didalam politik ini, beliau bekerja sebagai pemandu van disebuah syarikat perniagaan China dibandar ini. Pengalaman-pengalaman politik adalah maseh kurang dan sangat kurang sifat-sifat kepemimpinannya. Ramai sahabat dan rakan-rakan dari gulongan bawahan dan peniaga-peniaga kecil di kawasan ini kerana percampuran yang kerap dilakukan dengan angguta-angguta ini.

iii) Ismail bin Awang: Umornya kira-kira 40 tahun, telah beristeri dan mendapat 4 orang anak-anak. Bertanding dikawasan Batu Burok, menentang calun-calun Barisan dan 2 calun Bebas. Pendidekannya ialah sekolah Menengah rendah dan Arab. Pengalaman bekerja; pernah menjadi angguta tentera, peniaga barang-barang runcit dan akhir sekali bekerja sebagai tukang gunting di bandar Kuala Trengganu. Pengalaman politik adalah sederhana dan berpengaruh dikalangan nelayan-nelayan di Kampung Chendering dimana beliau menetap.

Berdasarkan kapada kriteria-kriteria yang terdapat pada setiap angguta calun yang dikira sebagai angguta aktif, ternyata penglibatan dan penyertaan mereka kedalam politik parti ini adalah didorongkan oleh kesedaran tentang kemelesetan hidup kaum Melayu yang majoriti yang kurang mendapat perhatian yang agak serius dari pehak pemerintah. Disampin itu mereka juga ingin menjadikan politik negeri ini lebeh berma'na kapada segenap lapisan masyarakat dan tidak tertumpu kapada segelintir angguta sahaja. Mereka juga ingin menghapuskan segala bentok peyalah-guna kuasa

yang telah diberikan kapada beberapa orang pemimpin parti. Segala bentok penyelewengan dan eksploitasi kapada ra'yat adalah ditentang dan seberapa terdaya menghapuskannya.

Gulongan yang pasif dalam PSRM

Gulongan pasif yang dimaksudkan ini ialah gulongan yang semata-mata mengikuti perkembangan-perkembangan partai tetapi tidak pula terlibat secara langsung didalam kegiatan-kegiatan partai. Mereka menyokong dan mencalunkan calun-calun PSRM didalam pilihanraya-pilihanraya yang telah dijalankan. Gulongan yang pasif ini adalah terdiri daripada kumpulan pendudok-pendudok di Kuala Trengganu ini yang tinggal di kampung-kampung pendalaman sedikit daripada bandar seperti di kampung Batu Buruk, Bukit Besar dan sekitarnya. Gulongan yang pasif ini terdiri daripada petani-petani dan nelayan Melayu yang kebanyakannya miskin yang mengharapkan perhatian dan layanan-layanan yang lebeh baik dari pehak yang berkuasa. Penglibatan dan penyertaan mereka yang pasif ini tidaklah disedari sangat dan tidak pula memahami benar-benar kekesanan tindakan-tindakan mereka.

Gulongan yang pasif ini adalah lebeh ramai bilangannya daripada angguta-angguta yang aktif. Sokongan mereka kapada PSRM adalah atas beberapa alasan dan pendirian seperti untok mengaleh rasa, membalas dendam kapada pemimpin-pemimpin yang tidak bekerja dengan baik dan jujur. Disampin itu mereka menyokong partai ini

kerana terpengaruh dan terikut-ikut dengan sahabat handai merek sekampong dan juga terpengaruh oleh siri-siri kempen yang telah dijalankan sepanjang menjelangnya pilihanraya. Mereka juga menyertai PSRM ini semata-mata untok menduga dan melihat sejauh manakah PSRM, sebagai parti pembangkang dapat menggantikan PAS untok menentang Perikatan dan Barisan Nasional.

Daripada jumlah 100 orang responden yang ditemui di 3 kawasan utama ini, iaitu 20 orang di Kampung Ladang, 30 orang di-Kampung Batu Buruk, dan 50 orang dikawasan Bandar terdapat 25 orang yang kelihatan pasif terhadap PSRM dan diantara jumlah ini terdapat 9 orang responden wanita yang berumor kira-kira 30 tahun hingga 55 tahun. Kebanyakan gulongan yang pasif ini tidak begitu berterus terang menyokong parti ini, dan ramai pula yang enggan memberikan ulasan dan pendapat-pendapat mereka yang terbuka di khuatiri akan terbongkar rashianya menyokong PSRM yang dikira menentang parti kerajaan itu. Kedudokan mereka adalah dalam keadaan yang serba-salah kerana ada juga diantara mereka yang tidak berminat langsung kapada parti ini, tetapi oleh kerana kebencian nya kapada bekas-bekas calun yang menyeleweng dan kerana percantuman PAS - Perikatan telah menyebabkan mereka terpaksa mencalunkan angguta PSRM ini.

Berdasarkan kapada penglibatan dan penyertaan ra'yat di kawasan ini, kita dapat menentukan bahawa PSRM telah mencapai kemajuan selangkah lagi di dalam arina politik negeri Trengganu. Jikalau pada peringkat awalnya menyertai pilihanraya-pilihanraya,

ternyata keputusannya yang didapati sangat mengecewakan, tetapi setelah mengalami masa-masa yang panjang, maka kini ia telah maju setapak kahadepan bagi mendapatkan sokongan dari pendudok-pendudok negeri ini. Jika diramalkan berdasar sambutan-sambutan ra'yat dinegeri ini, maka dapat ditegaskan yang pengaruh PSRM akan berkembang lebeh maju lagi untok menuju cita-citanya membawakan ra'yat negeri ini kearah Sosialisma. Namun demikian, kegagalan parti ini pun boleh diramalkan juga andainya perubahan-perubahan dasar yang lebeh sesuai dengan keadaan ra'yat yang berbilang kaum ini tidak dapat diatur-suaikan. Ra'yat mistilah diberikan kepercayaan yang benar-benar berkesan sebelum ianya bertapak dengan kukohnya. Bagi pehak pemerintah yang adalsekarang ini pun perlu diberikan pertimbangan yang lebeh serius untok diutarakan persoalan ini; Jika prinsip-prinsip lama bercorak Kolonial itu dapat dikikis maka berkemungkinan ra'yat akan lebeh setia kapada mereka dan dapat mengekalkan keutuhan mereka sebagai parti yang berpengaruh dan ideal. Jika keadaan ini dapat diselesaikan oleh pehak pemerintah sekarang maka boleh pula dikatakan PSRM sukar sekali untok bertapak dinegeri ini dengan lebeh lama.

## KESIMPULAN DAN PENUTUP

PSRM adalah sebuah parti yang mementingkan ideoloji iaitu dikatakan sebagai sectarian party. Ideoloji yang menjadi asas perjuangannya ialah Sosialisma. Sosialisma yang diperjuangkannya adalah bertitik-tolak untok mengadakan berbagai-bagai perubahan perlembagaan, penggantian kekuasaan atas alat-alat produksi serta hasilnya, dari milik persaorangan kapada milik umum.[13] Keadaan ini adalah timbul daripada desakan-desakan untok melihat pembahagian sumber kekayaan dan peluang-peluang yang seimbang dan adil kapada seluruh masyarakat. Disampin itu juga PSRM ingin melihat bentok-bentok penjajahan lama dan baru yang maseh ujud didalam negara Malaysia ini segera dihapuskan. Bentok penjajahan yang dimaksudkan oleh PSRM dalam hubungan ini ialah sebagai kesan atau saki-baki dari penindasan yang tidak ketara yang telah berlaku dikalangan pemodal-pemodal asing di seluruh negara ini, termasuklah juga kapada kawasan kajian ini. Gulongan feudal dan reaksioner Melayu itu harus pula dibatasi kegiatan-kegiatannya, kerana secara kebetulan, gulongan inilah yang telah menguasai politik negara ini yang diperalatkan oleh gulongan kapitalis dan kolonialis pula.

University of Malaya

---

(13) Robert C.Heilbroner, " Dasar-dasar dan dilema Sosialisma ", dalam majalah Dewan Masyarakat, 15hb Jun 1975, ( Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1975) m.s.15

Memang tidak dapat dinafikan bahawa didalam negara-negara sedang membangun seperti Malaysia ini, perbedzaan hidup antara gulongan yang kaya dengan gulongan yang miskin adalah sangat besar, tidak seperti mana yang terdapat dinegara-negara yang telah kaya dan industrialised. Oleh itu peranan Sosialisma adalah lebeh banyak menumpukan kapada meninggikan taraf hidup gulongan bawahan yang miskin supaya dapat diperkecilkan jurang perbedzaannya. Sosialisma bertujuan untok memperbanyakkan kerja-kerja dan aktiviti-aktiviti kebajikan kapada gulongan miskin disampin memupokkan rasa keinsafan kapada angguta-angguta masyarakatnya. Berdasarkan kapada ideal ini PSRM yakin ianya akan dapat dilaksanakan dinegara ini. Banyak sudah langkah-langkah yang telah dijalankan oleh pehak pemerintah yang berbentok sosialis ini. Disini juga dapat dikatakan bahawa ideoloji Sosialisma itu mungkin dapat dipraktikkan di negara ini dengan syarat beberapa pindaan, misti dilakukan sesuai dengan keadaan pendudok yang berbilang kaum itu. Kaum-kaum yang ujud berpuak-puak ini amat sukar untok mempraktikkan ideoloji Sosialisma ini. Kenyataan ini pernah dijelaskan oleh K.J.Ratnam yang antara lainnya berkata, " .... tidak ada parti Sosialis mana pun yang dapat berjaya membangkitkan sokongan ra'yat selama hubungan-hubungan perkauman mengatasi kepentingan ekonomi.[14]

---

(14) K.J.Ratnam, Paham Perkauman dan Proses Politik di Malaysia, terjemahan Kassim Ahmad ( University of Malaya Press 1969 ) m.s. 203.

Berdasarkan kapada penulisan ini yang dijalankan kajian-kajiannya di negeri Trengganu dan satu kajian kes di kawasan Pilihanraya Kuala Trengganu Selatan, dapat dibuat beberapa rumusan dan kesimpulan-kesimpulan: Pertamanya ialah ideoloji Sosialisma PSRM mungkin dapat dipraktikkan di negeri ini dan 'amnya diseluroh Malaysia ini dengan syarat ianya perlu disesuaikan untok semua kaum dan segala bentok perkauman misti disingkiri. Pada masa ini kenyataan yang dapat dibuat adalah terlalu kabur untok mempraktikkan ideoloji Sosialisma ini kerana sehingga Pilihanraya Nasional 1974, tidak ada satu pun calun-calun PSRM yang bertanding di negeri Trengganu ini yang memperolehi kejayaan. Dengan itu, secara tiori sahaja, ideoloji ini dapat diterima, tetapi praktikalnya harus berlaku dan harus pula dapat diterimanya. Walaubagaimana pun, ideoloji ini telah mula difahami beransur-ansur dan pada setengah-tengah tempat ianya sudah kelihatan diterima, berdasarkan kapada keputusan pilihanraya dan penyertaan-penyertaan ra'yat negara ini, khasnya di negeri Trengganu, Penyokong-penyokong PSRM, kian hari bertambah ramai seperti yang terdapat didalam daftar PSRM negeri Trengganu dan juga dari putusan-putusan serta peratusan undi didalam pilihanraya-pilihanraya. Banyak ramalan yang mengatakan bahawa, menjelang pilihanraya akan datang ini PSRM tentu akan memperolehi kejayaan yang lebeh baik dan mendapat kemenangan beberapa kerusi yang ditandingi, sekiranya keadaan dan fenomena-fenomena yang ujud sekarang ini tidak dapat diselesaikan oleh pehak pemerintah.

Keduanya ialah, berdasarkan kapada organisasi dan struktur partai ini sendiri, ia tidak dapat dipraktikkan di dalam masyarakat negeri ini selagi faham-faham perkauman maseh menguasai jiwa kaum-kaum yang ada di negeri ini. Dalam konteks masyarakat di negeri Trengganu ini, perasaan perkauman dan sentimen-sentimen kepuakan, sukar untok dihapuskan dalam tempoh masa yang singkat, kerana dari masa kesemasa, tiap-tiap kaum sama ada Melayu, China, India dan lain-lain lagi itu semakin ternyata sekali, walau pun telah banyak langkah-langkah telah dijalankan oleh pehak pemerintah untok meujudkan satu masyarakat Malaysia yang integrated. Kepentingan-kepentingan kaum-kaum ini nyata sekali telah jauh berbedza baik dari segi ekonominya mahupun segi politiknya. Polirasasi kaum ini kian ternyata di negeri ini dan ini juga telah menyebabkan kepentingan-kepentingan kaum-kaum ini turut berubah. Keadaan ini dapat diatasi sedikit demi sedikit jika pehak pemerintah mempergiatkan lagi hubungan-hubungan antara kaum didalam semua kegiatan sosial dan memperseimbangkan jurang ekonomi yang berat sebelah ini.

Ketiganya ialah maseh ramai terdapat kaum-kaum tani dan buroh-buroh Melayu yang tidak menyokong PSRM atas alasan parti ini maseh muda dan setengah idealnya dianggap bercanggah dengan ajaran Islam. Dengan sebab itu gulongan ini enggan untok menerima ideoloji ini kerana tidak mahu bersubahat dengan kumpulan anarchist dan atheis. Kenyataan ini pernah diutarakan oleh tokoh-tokoh Barisan Nasional semasa kempen-kempen pilihanraya 1974, tentang sajak Kassim Ahmad berjudol,'Sidang Roh'itu . Sajak ini telah ditafsir

kan sebagai penyelewengan terhadap ugama dan tokoh yang terlibat ini misti pula dijauhi. Sebenarnya, Islam sendiri dalam beberapa aspek adalah berbentok sosialisma. Contohnya terdapat hukum mengeluarkan zakat fitrah yang bertujuan untok membantu fakir-fakir miskin dan menanamkan semangat bertimbang rasa dan berperikemanusiaan. Islam menentang segala bentok penindasan dan eksploitasi yang tidak jujur untok menaikkan diri sendiri. Disampin itu juga Islam sendiri melarang umatnya untok ujudkan kelas-kelas dan kasta kerana manusia disisi Allah itu adalah sama sahaja.

Ke-empatnya ialah, terdapat gulongan yang menyokong PSRM atas alasan-alasan yang negatif,,terhadap pemimpin dan pimpinan calun-calun pemerintah yang telah dipilih mengikut suara majoriti itu. Mereka dikatakan tidak menjalankan tugas dengan efektif dan efficient. Disampin itu pula terdapat gulongan yang semata-mata memprotes percantuman PAS-Perikatan. Ada juga diantara gulongan ini yang menyokong PSRM kerana ikut-ikutan sahaja kerana kurangnya pendidekan dan pandangan yang matang.

Kesimpulan kelima nya ialah kegagalan PSRM adalah pengaruh daripada pemimpin dan pimpinan mereka yang kurang ber pengalaman, terutamanya yang terdapat dikawasan kajian ini. Kekurangan sifat kepemimpinan ini telah menyebabkan ra'yat negeri ini merasakan kurang yakin dan ragu-ragu untok menyebelahi mereka Pemimpin-pemimpin yang kurang ciri-ciri kepemimpinan ini tidak mampu menerangkan dengan berkesan segala ideal-ideal partinya,

justeru itu tidak mampu untok menarik minat orang ramai dari menceburkan diri kedalam parti ini. Kegiatan-kegiatan mereka ini seolah-olah kelihatan sebagai propoganda semata-mata. Disampin itu juga, PSRM adalah maseh kekurangan bahan material dan keewangan yang dapat dipergunakan untok menjalahkan kerja-kerja partai dan perkara ini telah menyebabkan rancangan-rancangan partai jadi kurang terorganiser dengan betul dan kemas.

Kemerusutan parti pemerintah juga adalah salah satunya berpunca dari ketokohan pemimpin-pemimpinnya. Setengah-tengah pemimpin Barisan Nisonal ini kurang dedikasi dan berkelayakan untok mengendalikan tugas-tugas pentadbiran dan urusan-urusan kemasyarakatan. Justeru itu mereka kurang menyuarakan kegelisahan ra'yat semasa dijalankan sidang-sidang Dewan Undangan Negeri atau Dewan Ra'yat. Mereka juga dikatakan lebeh sibokuntok mencari peluang melibatkan diri dalam perusahaan dan pelaburan-pelaburan. Ra'yat mula iri hati dan curiga terhadap sumber-sumber kekayaan yang didapati dengan serta-merta itu, pada hal soal kemelesetan dan kemiskinan ra'yat maseh belum dapat diselesaikan sedikit pun.

Walau bagaimana pun, Sosialisma yang tulin tidak mungkin dapat dicapai dengan berkesannya tanpa pindaan dan modifikasi dibeberapa bahagian prinsip-prinsip dasarnya. Di negara-negara Sosialis hari ini seperti China, Cuba,Russia, Chile dan lain-lain lagi itu yang telah lama mempraktikkan ideoloji ini maseh didalam keadaan kesukaran. Banyak juga terdapat mas'alah-mas'alah dalaman yang dialaminya itu untok menyama-ratakan ekonomi sosialnya yang

tidak dapat diselesaikan. Walau pun Sosialisma yang diamal di-negara ini tidaklah berbentok Marxist tetapi setengah-tengah item itu agak menyukarkan kita untok melaksanakannya. Soal-soal kebebasan dan hak-hak persaorangan serta kemampuan-kemampuan yang tersendiri jadi tersekat dan justeru itu tidak menggalakkan angguta yang mempunyai keistemewaan mempergiatkan usaha-usahanya ke-arah pendapatan yang maksima. Walau pun Sosialisma yang diperjuangkan oleh PSRM itu tidak lagi merupakan khayalan, namun ia namun ia maseh terlalu awal untok dipraktikkan didalam negara yang sedang membangun ini, terutamanya pula didalam konteks masyarakat majmuk(Plural Society) seperti Malaysia ini.

Sebagai penutupnya dapat dikatakan bahawa PSRM yang lahir di negara ini boleh dikembang dan diterima beberapa dasarnya yang dikira sesuai dengan keinginan ra'yat negeri ini disampin itu dapat pula mengadakan kompromi dengan parti-parti pemerintah untok meujudkan gabungan parti seperti yang terdapat sekarang ini. PSRM yang ujud dan berkembang di negeri Trengganu ini adalah merupakan satu manifestasi daripada proses sosial dan ia memerlukan kapada satu penyelarasan dianatara ideoloji dengan kepemimpinan supaya dapat mempraktikkan dasar-dasarnya itu dengan lebeh berkesan. PSRM yang telah dikaji di negeri Trengganu ini adalah sebagai satu pendekatan dan ianya dapat digunakan bagi tujuan yang sama untok seluruh masyarakat di negara Malaysia ini.

# BIBLIOGRAFI

Ratnam, K.J. Paham Perkauman dan Proses Politik di Malaya, diterjemahkan oleh Kassim Ahmad , University of Malaya Press, 1965.

Ratnam,K.J. & Milne,R.S., The Malayan Parlimentary Election of 1964, Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 1969.

Vasil,R.K. The Malaysian General Election of 1969, Singapore Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1972.

Duverger,Maurice, The Idea of Politics, London: Methuen & Co.1971.

Means, Gordon Paul, Malaysian Politics, London: University of London Press, 1970.

Roode,Carlton Clymed & others, Introduction to Political Science New York: Mc Graw Hill Book Co., 1967.

Grimes,A.P. & Horowitz,R.H., Modern Political Ideologies, New York: Oxford University Press, 1959.

Helenius,R. The Profile of Party Ideologies, Helsinki: H.K. Kirjapaino, 1966.

Le Bon, Gustave, The Psychology of Socialism,Vermont: Fraser Publishing Co.Well, 1965.

Landauer,Carl, European Socialism: A History of Ideas and Movement, Berkeley & Los Angeles: University of California Press, 1959.

Ebenstein,William, Today's Ism: Communism, Facism, Capitalism and Socialism, New Jersey: Prentice Hall Inc.Englewood Cliff, 1973.

Christenson, ReoM.C. & Others, Ideologies and Modern Politics Great Britain: Thomas Nelson and Sons Ltd (c) 1971.

Seligman, Lester G."The Roles of Elite; Elite Recruitment and Political Development, dalam Journal of Politics August, 1964.

Siagian, S.P. Dr.M.P.A., Filsafat Administrasi, Djakarta: Penerbit P.T. Gunomg Agung, 1971.

Budiardjo,Miriam,M.A., Dasar-dasar Ilmu Politik, Djakarta: Penerbit Dian Rakjat, 1972.

Burhanuddin, Dr., Sejarah Perjuangan kita, Penang: The United Press, 1955.

Pizzorno, Alessandro (edt:), Political Sociology, Middlesex: Penguin Books Ltd, 1970.

Rush, Micheal & Altoff, P., An Introduction to Political Sociology, Bristol: Nelson's University, paper backs, 1971.

Mackenzie, Norman, Socialism: A Short History, London: Hutchinson University Library, 1969.

Fairchild,Henry Pratt (edt:), Dictionary of Sociology, New Jersey: Littlefield Adams & Co., 1970.

Dahl, Robert A., Modern Political Analysis, New Delhi: Prentice of India (P) Ltd., 1972.

Watkins, Frederick M., The Age of Ideology-Political Thought, 1750 to the Present, New Delhi: Prentice Hall of India (P) Ltd., 1965.

Malaysia, Banci Pendudok dan Perumahan Malaysia 1970; Ringkasan Kiraan Luar, Kuala Lumpur:Jabatan Perangkaan Malaysia, 1971.

\- Banci Pendudok dan Perumahan Malaysia 1970 - Gulongan Masyarakat, Kuala Lumpur: Jabatan Perangkaan Malaysia, 1971

Trengganu - *Kemajuan Negeri Trengganu 1963*, Kuala Trengganu: Pejabat Setia Usaha Kerajaan, 1964.

- *Cenderamata Jubli Perak Sultan Trengganu*, Kuala Trengganu: Percetakan Central Sdn. Bhd. Malaysia, 1970.

Suruhanjaya Pilihanraya, *Penyata Pilihanraya Umum Dewan Ra'ayat dan Dewan Undangan Negeri bagi Negeri-negeri Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak tahun 1969*, Kuala Lumpur: Jabatan Cetak Kerajaan, 1972.

- *Penyata Pilihanraya Umum Dewan Ra'ayat dan Dewan Undangan Negeri bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak, tahun 1959*, Kuala Lumpur: Jabatan Cetak Kerajaan, 1962.

Vasil, R.K. - *Politics in a Plural Society*, London: Oxford University Press, 1971.

Sekritariat Pusat PSRM, *Perlembagaan Partai Sosialis Rakyat Malaya*, Kuala Lumpur: Sekritariat Pusat PSRM, 1970.

PSRM - *Anggaran Dasar dan Anggaran Tetangga*, Kuala Lumpur: Lai Thang Fong Press.

- *Sosialisma, Suara dan Bicara Partai Rakyat Malaya*, Kuala Lumpur: Sekritariat Pusat PSRM.

University of Malaya

Majalah, Risalah dan akhbar-akhbar:

Dewan Bahasa dan Pustaka, Dewan Masyarakat, Kuala Lumpur: Percetakan D.B.P. 1975.

PSRM - Banteng, Suara dan Bicara Sosialisma Partai Malaya, Kuala Lumpur: Parti Rakyat Malaya.

- Mimbar Sosialis, Lidah Resmi Partai Sosialis Rakyat Malaya, Kuala Lumpur: Sun Printers Sdn. Bhd., 1972.

Utusan Melayu, akhbar Utusan Malaysia, Kuala Lumpur: Percetakan Utusan Melayu Bhd., 1974.

Penerbitan Surat Sdn.Bhd., Akhbar Suara Rakyat, Kuala Lumpur: Percetakan Surat Sdn.Bhd., Oktober 1975.

University of Malaya

Lampiran I



# MANIFESTO PSRM

Dalam Pilihanraya 1974 ini PSRM mempunyai satu Manifesto yang mengandungi 43 fasal, dan di bawah ialah ringkasannya:

1. **Politik dan Pemerintahan:** Hapuskan tahanan tanpa bicara, bebaskan tahanan politik, lindungi kebebasan asasi, halau keluar ejen-ejen penjajah dan Zionis, lenyapkan amalan rasuah, pilihkasih dan penipuan;
2. **Ekonomi dan Kewangan:** Miliknegara punca kekayaan negeri yang dikuasai asing, ambilalih urusan pengedaran barang-barang keperluan dan kawal harga untuk melawan inflasi, hindarkan pemerasan orangtengah, perkukuhkan gerakan kerjasama tulen, atasi kelaparan tanah, hapuskan cukai bagi tanah pertanian 6 ekar ke bawah, hapuskan bunga hutang, kaji semula hutang dan beri segera hak milik peneroka Felda, bebankan cukai kepada golongan kaya;
3. **Kebajikan Ekonomi dan Sosial:** Perbaiki taraf hidup golongan bawahan, adakan rumah murah untuk yang berpendapatan $500 sebulan ke bawah, perbaiki dan mudahkan perkhidmatan perubatan di luar bandar, beri minum dan makan percuma bagi kanak-kanak sekolah, lindungi wanita dari penindasan dan jamin hak pekerjaan dan gajisama mereka, adakan rancangan insuran kebangsaan untuk rakyat;
4. **Pelajaran dan Kebudayaan:** Beri pelajaran percuma bagi anak miskin hingga ke universiti, perbanyak dan baiki mutu sekolah dan guru di kawasan kampung, hapuskan kebudayaan kuning, galakkan bahasa Melayu sebagai bahasa perantara, perkembangkan sastra dan kebudayaan nasional yang popular, progresif dan bermutu;
5. **Pertahanan dan Halehwal Luar:** Mansuhkan perjanjian dan pengkalan tentera asing, perkembangkan dasar luar yang bebas, perkuatkan hubungan dengan negara-negara sosialis, sokong gerakan pembebasan di merata dunia terutama di Palestin dan Vietnam, sokong hak rakyat Brunai, Patani dan Sulu menentukan nasib sendiri;
6. **Keagamaan dan Akhlak:** Jamin hak kebebasan beragama, perluaskan ajaran agama yang menentang penindasan dan ketidakadilan, hapuskan perjudian dan pelacuran, lawani keruntuhan akhlak dan tentang pengaruh buruk dari Barat.

**Hidup Perjuangan Rakyat!**
**Bersatu Untuk Perubahan!**

**Lawan Pemerintahan Kukubesi!**
**Kuasa Kepada Rakyat!**

**PSRM**

Diterbitkan oleh S. Hamid Ali Bagi pehak PSRM 94-C Jalan Bungsar, Kuala Lumpur. Dicetak oleh Mun Sun Press, Shah Alam.

University of Malaya

Lampiran 2

CONTOH QUESTIONNAIRE
YANG DIGUNAKAN DENGAN RINGKAS DALAM KAJIAN

1. Latar belakang peribadi:

   a. Bangsa ..................

   b. Pekerjaan:.................

   c. Jantina:..................

   d. Umor:.....................

2. Sila beri jawapan dengan memotong mana-mana perkataan yang tidak perlu.

   a. Berapa kalikah sudah anda mengundi? ...............

   b. Adakah anda menjadi ahli dalam satu-satu parti?.......

   c. Fahamkah anda erti politik? ............ kalau ya, terangkan dengan ringkas ma'ananya:...............

   ...............................................

   ;;.............................................

   d. Fahamkah anda ideoloji parti yang anda pilih? ....

   ...............................................

   e. Pilih salah satu yang anda setuju:

      i. Calun-calun parti yang dipilih mistilah ber- berkaliber dan berpelajaran, walau pun didatang kan dari luar.

      ii. Calun tempatan yang kenal betul tetapi tidak berkelayakan.

      iii. Calun yang kaya,berpangkat tetapi angkuh.

f. Adakah perbedzaan antara ideoloji Sosialis dengan ideoloji Kominis? ..........................................

g. Pernahkah anda berjumpa dengan wakil-wakil ra'yat apabila anda didalam kesusahan? .................

...........................................................

h. Adakah ideoloji PSRM bertentangan dengan ajaran Ugama Islam? ..........................................

i. Apakah ciri-ciri utama yang anda pertimbangkan kapada wakil-wakil calun yang bertanding didalam pilihanraya? ..........................................

...........................................................

j. Pada pendapat anda, boleh atau tidak PSRM mendapat kemenangan undi, walau pun tidak majoriti, didalam pilihanraya akan datang ini? .....................

k. Pada pendapat anda boleh atau tidak PSRM memerintah negeri ini dimasa-masa akan datang? ...............

...........................................................

l. Apakah sebab-sebabnya PSRM tidak berjaya mendapat sokongan dari ra'yat secara majoriti? ............

...........................................................

m. Adakah anda tahu bahawa parti PSRM telah mula berpengaruh di negeri ini sebagai sebuah parti pembangkang? ..........................................

n. Adakah anda fikir kerajaan Barisan Nasional sekarang ini dapat memerintah dengan berkesan? ..............

...........................................................

o. Adakah anda fikir prinsip perjuangan PSRM sesuai dengan cita-cita ra'yat negeri ini?

i. sangat sesuai
ii. sesuai
iii. kurang sesuai
iv. tidak sesuai langaung
v. tidak pasti.

p. Apakah corak pemerintahan yang anda utamakan didalam senarai dibawah ini?

i. Demokrasi
ii. Sosialis
iii. Diktatur
iv. Liberal

q. Adakah anda kenal betul peribadi calun yang anda pilih?

i. kenal rapat
ii. tidak begitu kenal
iii. tidak kenal langsung.

r. Pada pendapat anda perlukah ideoloji PSRM itu diubahkan bentuknya?

i. perlu diubah
ii. tidak perlu diubah
iii. tidak pasti.

s. Apakah patut anda lakukan jika anda pasti sesaorang calun yang telah anda pilih itu melakukan rasuah?

i. tidak berbuat apa-apa
ii. membuat aduan kapda polis
iii. tidak akan mencalunkan lagi dimasa akan datang.

University of Malaya